

BAB 4

UTUSAN ASAS 1947-1948 : ISU DAN PERSOALAN

Sebagai lidah rasmi golongan anti penyerahan, isu dan persoalan yang diperkatakan oleh *UA* bertitik-tolak daripada kontroversi penyerahan Sarawak.¹ *UA* juga menyentuh aspek pendidikan khususnya sekolah rakyat dan pergolakan politik antarabangsa. Secara keseluruhannya, isi kandungan *UA* mencakupi enam aspek utama : isu penyerahan, penjajahan dan kemerdekaan, penahanan Anthony Brooke, lawatan Listowel, usaha memecahbelahkan golongan anti penyerahan, pendidikan dan sekolah rakyat serta Perang Dingin.

¹ Sukar untuk meletakkan isu penyerahan Sarawak dalam konteks gerakan menentang Malayan Union di Tanah Melayu. Pada asasnya, walaupun kedua-dua gerakan (anti penyerahan dan Malayan Union) mempunyai persamaan khususnya menentang penjajahan British, tetapi terdapat aspek khusus dalam isu penyerahan Sarawak yang berbeza dengan Malayan Union. Misalnya, penentangan terhadap Malayan Union tidak melibatkan wasiat James dan Charles Brooke, sumpah pertabalan Vyner Brooke, penyediaan ke arah berkerajaan sendiri sebelum Perang Dunia Ke-II (melalui perlembagaan negeri), keputusan badan perundangan negeri (Majlis Negri) dan sekatan politik terhadap tokoh tertentu (Anthony Brooke) seperti yang dibincangkan dalam bab ini. Malah, reaksi pihak kolonial British terhadap penentangnya juga berbeza. Di Tanah Melayu, British menerima tuntutan UMNO memansuhkan Malayan Union. Tetapi, British enggan melayani tuntutan golongan anti penyerahan dan menolaknya sebagai mewakili majoriti bumiputera Sarawak. British tidak menaja pengasasan persatuan pro British seperti yang berlaku di Sarawak melalui PMM dan PI. Namun, terdapat persamaan dalam aspek tertentu seperti tipu muslihat dan ugutan yang digunakan oleh MacMichael-MacBryan, penghapusan hak anak negeri dan kemerdekaan tanah airnya dan persoalan kuasa raja menyerahkan negeri dan rakyatnya menjadi jajahan British. Dalam konteks perbincangan ini, peranan akhbar Melayu sebagai organ menentang penjajahan British di Tanah Melayu dan Sarawak pasca Perang Dunia Ke-II seperti yang dinyatakan dalam Pendahuluan dan Bab 2, tidak dapat diragui lagi.

Penyerahan Sarawak

UA memperkatakan isu penyerahan dari tiga aspek utama. Ini merupakan isu terpenting yang disentuhnya. Pertama, *UA* menjelaskan faktor yang menyebabkan golongan anti penyerahan menentang penyerahan. Kedua, *UA* membidas propaganda British dan pihak pro penyerahan. Ketiga, *UA* menjelaskan pendirian golongan anti pernyerahan dan memaparkan kegiatan mereka. Ini membolehkan *UA* memperkuatkan pengaruh dan meningkatkan imej perjuangan anti penyerahan.

Bagi *UA*, isu penyerahan bukanlah pertentangan “di antara raayat sesama raayat”² sahaja. Ini kerana hanya segelintir sahaja mereka yang menyokong penyerahan. Ia berlaku antara rakyat Sarawak, yang mempertahankan kemerdekaan tanah airnya dengan British, sebagai kuasa penjajah.³ Dalam konteks ini, *UA* memberikan penjelasan tentang punca golongan anti penyerahan menentang penyerahan Sarawak. Ia bertujuan memberikan kefahaman, bukan sahaja kepada golongan anti penyerahan, bahkan kepada rakyat yang kurang memahami perjuangan anti penyerahan.

Ia memperlihatkan kesedaran *UA* terhadap pentingnya kefahaman yang jelas untuk mengukuhkan pendirian dan perjuangan golongan anti penyerahan. Ia juga penting agar mereka yang terlibat dalam perjuangan anti penyerahan dibekalkan dengan asas

² *Utusan ASAS*, 1 Disember 1947, hlm. 2.

³ Ibid.

kefahaman yang kukuh. Kefahaman juga amat penting dalam konteks perjuangan untuk menghadapi tekanan dan propaganda pihak kolonial British.

Pada asasnya, *UA* menjelaskan enam faktor utama yang mendasari penentangan golongan anti penyerahan. Pertama, Charles Vyner Brooke menyerahkan Sarawak kepada kerajaan British tanpa pengetahuan Bertram Brooke (Tuan Muda) dan Anthony Brooke (Raja Muda).⁴ Malah, keputusan Charles Vyner Brooke juga tidak dipersetujui oleh Bertram

⁴ Terdapat tiga faktor penting yang menyebabkan Sarawak diserahkan kepada British. Pertama, penerusan dasar kolonialisme British pasca Perang Dunia Ke-II. Kedua, krisis dalam keluarga Brooke dan ketiga, masalah pemulihan ekonomi. British tidak puas hati dengan Perjanjian 1888. Sebaliknya, British menuntut kuasa yang lebih luas terhadap hal-hal dalam dan luar negeri. Pada November 1941, British membuat perjanjian baru dengan Vyner Brooke. Perjanjian ini membolehkan penasihat British dilantik dalam pentadbiran Brooke. Penasihat British juga bebas memberikan pendapatnya dan menghadiri sidang Majlis Negri dan Majlis Tertinggi. Tetapi, penasihat British tidak mempunyai kuasa mengundi dalam kedua-dua majlis. Perang Dunia Ke-II tidak menghalang British untuk meneruskan campur tangan dalam pentadbiran Sarawak. Pada 19 Jun 1944, G.H. Hall (Setiausaha Pejabat Tanah Jajahan) mengutus surat kepada Vyner Brooke agar menyemak semula perjanjian dan hubungan kedua-dua pihak. Ia ditolak oleh Vyner Brooke kerana dua sebab. Pertama, British gagal melindungi Sarawak daripada serangan Jepun semasa Perang Dunia Ke-II. Kedua, Vyner Brooke mengatakan Brooke hanyalah pemegang amanah di Sarawak. Cadangan tersebut harus dirujuk kepada bumiputera Sarawak. British bertegas dan mahu perundingan terus diadakan. Vyner Brooke melantik Anthony Brooke sebagai wakilnya, kerana Bertram Brooke (Tuan Muda) tidak sihat, bagi mengetuai Suruhanjaya Kerajaan Sarawak yang diadakan di Australia. Perundingan ini gagal kerana Anthony Brooke tidak bersetuju dengan usaha British meluaskan pengaruhnya dalam pentadbiran Sarawak. Pejabat Tanah Jajahan menuduh Anthony Brooke tidak mahu bekerjasama dengan mereka. Vyner Brooke melucutkan gelaran Tuan Muda daripada Anthony Brooke. Pada Oktober 1945, Vyner Brooke mengambil tindakan drastik apabila menyerahkan Sarawak kepada British tanpa pengetahuan Bertram dan Anthony Brooke. Sebelum itu, beliau dijanjikan pampasan bernilai 1,000,000.00 pound sterling oleh British pada Februari 1946. Kedua, Vyner Brooke bertindak membelaangi Bertram dan Anthony Brooke kerana kecewa tidak mempunyai anak lelaki yang dapat mewarisi takhta. Tindakan Vyner Brooke cuba mengubah wasiat dan Perlembagaan 1941 sebelum Perang Dunia Ke-II meletus untuk membolehkan anaknya mewarisi takhta kerajaan, dikecam oleh Anthony Brooke. Bagi Vyner Brooke, beliau hilang kepercayaan terhadap Anthony Brooke. Ini

Brooke dan Anthony Brooke.⁵ UA sedar Charles Vyner Brooke mengenepikan hak dan peranan Bertram Brooke dan Anthony Brooke. Vyner Brooke juga menafikan hak bumiputera menentukan nasib dan masa depan mereka. Bagi UA, Brooke bukan pemilik Sarawak. Brooke tidak berhak menyerahkan kedaulatan Sarawak kerana ia hanya memerintah bagi pihak bumiputera Sarawak.

menyebabkannya tidak mewariskan takhta kepada Anthony Brooke. Satu lagi faktor penyerahan Sarawak ialah ekonomi Sarawak dikatakan lumpuh akibat Perang Dunia Ke-II. Vyner Brooke percaya British dapat membantu memulihkan semula Sarawak selepas Perang Dunia Ke-II. Untuk perbincangan lanjut, rujuk R.H.W. Reece, *The Name of the Brooke : The End of White Rajah Rule in Sarawak*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1982, hlm.163-198. Sanib Said, "Anti-Cession Movement : The Birth of Nationalism In Sarawak", Graduation Exercise, B.A., Department of History, University of Malaya, 1975/1976, hlm. 13-17 dan *Malay Politics In Sarawak 1946-1966 : The Search for Unity and Political Ascendancy*, Oxford University Press, Singapore, hlm, 37-44. Sabihah Osman, "The Malay-Muslim Response to Cession of Sarawak to the British Crown 1946-1951", *JEBAT*, Jurnal Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, No. 18, 1990, hlm. 145-147. Craig A. Lockard, "The Southeast Asian Town in Perspectives : A Social Study of Kuching, Malaysia, 1820-1970", Ph. D. Thesis, University of Winconsin, 1973, hlm.463- 477. Suffian Mansor, "Asas-Asas Gerakan Anti Penyerahan Sarawak", *PURBA*, Jurnal Persatuan Muzium Malaysia, Bil. 19-2000, hlm. 1-15. Mohammad Hasbie Sulaiman, *Perjuangan Anti-Cession Sarawak : Peranan Utama Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak*, Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak, Kuching, 1989, hlm. 49-80. Yusuf Peter Heaton, "The Anti-Cession Movement In Sarawak", *Malaysian Historical Society (Sarawak Branch)*, Mac 1976, hlm. 58-60.

⁵ Bagi Bertram Brooke, penyerahan Sarawak kepada British tidak sah. Ia melanggar wasiat Charles Brooke. Beliau mengatakan dia tidak dibawa berunding oleh Vyner Brooke. Bertram Brooke juga mempertikaikan tindakan Vyner Brooke menyerahkan Sarawak kepada British sedangkan dia dan anaknya, Anthony Brooke adalah pewaris takhta yang sah. Edwardes (peguam) dan Arthur Bryant (sejarawan) juga membantah penyerahan Sarawak. G.H. Hall menafikan ketidaksahaman penyerahan itu kerana menurutnya, "penyerahan itu adalah berdasarkan kepada permintaan Majlis Negri melalui Rajah". Ia bertentangan dengan hakikatnya kerana penyerahan Sarawak dicadangkan oleh Rajah, diterima oleh Pejabat Tanah Jajahan dan kemudian barulah diminta persetujuan Majlis Negri. Liang Kim Bang, *Sarawak 1941-1957*, Department of History, University of Singapore, 1964, hlm. 10. Untuk perbincangan lebih lanjut, rujuk R.H.W. Reece, *The Name of Brooke*, hlm. 235-258.

Kedua, majoriti perwakilan bumiputera dalam Majlis Negri tidak menyokong penyerahan Sarawak. Bagi golongan anti penyerahan, hanya undi wakil bumiputera sahaja yang berhak menentukan keputusan dalam Majlis Negri. Mereka merupakan pemilik dan pewaris tunggal Sarawak.⁶ Mereka juga tidak mengiktiraf undi wakil Eropah dan Cina kerana mereka bukan bumiputera Sarawak.⁷ Inilah pendirian *UA* terhadap hak mengundi dalam Majlis Negri. Berhubung ugutan, tipu daya⁸ dan pengundian dalam Majlis Negri pula, *UA* menyatakan :

Dari sinilah terbitnya tipudaya penjajah dapat kita perhatian, oleh sebab harapannya sudah terkechewa dalam lengkongan undian bumiputera dalam Council Negri, sunggopun beberapa daripada mereka [ahli Majlis Negri] telah dipengaruhi oleh wang, dan bermacam2 chara telah digunakan supaya chadangan penyerahan itu mendapat undian yang lebih besar.⁹

⁶ Dalam persidangan Majlis Negri yang dirasmikan pada 14 Mei 1946 untuk membincangkan usul penyerahan Sarawak, Datu Patinggi Abang Haji Abdillah mencadangkan agar hanya wakil bumiputera sahaja yang dibenarkan mengundi. Ia ditolak oleh Majlis Negri. Beliau menegaskan, “Penyerahan Sarawak kepada British tidak dipersetujui oleh rakyat. Penyerahan akan menghapuskan Rajah daripada takhtanya. Sesiapa yang setuju dengan penyerahan adalah sangat jahat, mereka tidak setia kepada Rajah, ia adalah satu pengkhianatan kepada Rajah ... dan jika saya bersetuju dengan penyerahan, saya telah melanggar sumpah kepada rakyat, wasiat dan Perlembagaan 1941. Saya dan rakyat Sarawak cintakan keamanan, kemakmuran dan kemerdekaan Sarawak mesti di bawah pemerintahan Brooke, di bawah naungan British tapi bukan diserahkan kepada British”. Sanib Said, “Anti-Cession Movement”, hlm. 27. R.H.W. Reece, *The Name of Brooke*, hlm. 234-235. Yusuf Peter Heaton, “The Anti-Cession Movement In Sarawak”, hlm. 63.

⁷ Liang Kim Bang, *Sarawak 1941-1957*, hlm.6-7.

⁸ R.H.W. Reece, *The Name of Brooke*, hlm. 229-240. Mohammad Hasbie Sulaiman, *Perjuangan Anti-Cession Sarawak*, hlm. 78-79.

⁹ *Utusan ASAS*, 1 Mei 1948, hlm. 3.

Tegasnya lagi :

Pehak Penjejah terpaksa merangkum undi2 orang Europa [sic] buat menjadi alasannya menerima penyerahan itu, dan menolak undi2 yang lebih banyak dalam lengkongan undian bukan orang Europa [sic] dengan keterangan bahwa kelebihan yang kecil antara ahli2 bukan Europa dalam Council Negri ... tidak mendatang sebab2 bagi menolak penyerahan negri itu.¹⁰

Ketiga, *UA* menyifatkan keputusan Vyner Brooke menyerahkan Sarawak sebagai haram. Ia tidak sah di sisi undang-undang negeri. Vyner Brooke melanggar dua perkara penting berhubung taraf kemerdekaan Sarawak. Pertama, wasiat Charles Brooke dan keduanya sumpah pertabalan Vyner Brooke. Vyner Brooke melanggar wasiat Charles Brooke kerana ia dengan jelas menegah sebarang keputusan dibuat oleh Raja tanpa merujuk kepada Bertram Brooke (Tuan Muda) dan Anthony Brooke (Raja Muda).

Vyner Brooke juga melanggar sumpah pertabalannya. Beliau membelakangi pewaris takhta dan bumiputera Sarawak apabila membuat keputusan menyerahkan Sarawak kepada British. Dengan menyerahkan Sarawak kepada British, Charles Vyner Brooke tidak mewariskan takhta kepada pewaris yang berhak iaitu Bertram dan Anthony.¹¹ *UA* menegaskan :

¹⁰ Ibid.

¹¹ Wasiat Charles Brooke yang bertarikh 16 September 1913 menegaskan, "Bagi mengesahkan wasiat orang yang terdahulu daripada saya maka saya mewasiatkan hak ketuanan saya di Sarawak serta segala hak-hak dan keutamaan yang selama ini dipunyai saya kepada anak lelaki saya yang sulung iaitu Vyner dan waris-waris darinya yang lelaki kemudian daripadanya anak lelaki saya yang kedua Bertram dan waris-waris dirinya yang ketiga Harry dan waris-waris dirinya yang lelaki ... bahawa tidak boleh dijalankan apa-

Tanahayer kita ini telah diserahkan oleh Rajah Vyner Brooke dengan tidak berondeng dengan warith2-nya Tuan Muda dan Rajah Muda kita, serta sebahagian besar dari wakil2 Bumiputera dalam Council Negri pada bulan May 1946, pun tidak bersetuju Tanahayer kita diserahkan.

Raja Vyner Brooke telah bersumpah memegang WASIAT Bapa-nya Raja Charles Brooke ia-itu Raja kita Yang Kedua. Maka sumpah dan WASIAT ini-lah sudah dipecahnya apabila beliau itu menyerahkan tanahayer kita. Raja Vyner Brooke-lah yang memegang umanah Negeri kita ini. Tetapi UMANAH ini-lah sudah di-pecahkannya.¹²

Sebagai reaksinya, *UA* turut mendedahkan nasib yang menimpa Charles Vyner Brooke selepas menyerahkan Sarawak kepada British. *UA* menyiaran berita bertajuk “Dari Raja Kepada Tukang Kebun”.¹³ *UA* mencemuh Charles Vyner Brooke dengan berkata :

Adakah raayat mesti menurut apa-apa perbuatan memecah sumpah dan memecah wasiat? Perbuatan Raja Sir Charles Vyner Brooke menyerah Sarawak kepada Britain ialah memecah sumpah pertabalan terhadap Raayat serta pula memecah Wasiat Ayahandanya yang berdaulat, Raja Sir Charles Brooke.¹⁴

apa langkah atau perubahan dalam negeri itu atau kerajaan itu oleh anak lelaki saya jika tidak terlebih dahulu berunding dengan anak lelaki saya, Bertram". Sumpah pertabalan Vyner Brooke pula menyatakan, "Bagi pihak dirinya sendiri dan pengganti-penggantinya akan kekal berpegang kepada syarat-syarat yang telah disebut dalam wasiat ayahandanya (Charles Brooke) dan akan taat serta menurut kehendak-kehendak Raja yang telah lalu itu dalam perkara menyusun perlombagaan negeri itu". Anthony Brooke, *Facts About Sarawak*, Summer Times, Singapura, 1983, hlm. 2-3. Mohammad Hasbie Sulaiman, *Perjuangan Anti-Cession Sarawak*, hlm. 52-53.

¹² *Utusan ASAS*, 10 Oktober 1947, hlm. 1.

¹³ *Utusan ASAS*, 1 Januari 1948, hlm. 4.

¹⁴ *Utusan ASAS*, 15 Disember 1947, hlm 2.

Keempat, *UA* mengecam cara Sarawak diserahkan kepada British. Pertama, tipu muslihat dan rasuah yang digunakan oleh Mac Bryan¹⁵ untuk mendapatkan tandatangan pemimpin Melayu. Mac Bryan juga tidak menerangkan isi kandungan sebenar dokumen persetujuan penyerahan khususnya kepada Datu Patinggi Abang Haji Abdillah.¹⁶ *UA* menyelar taktik kotor Mac Bryan seraya menyeru rakyat agar menentang penyerahan Sarawak :

¹⁵ Di Tanah Melayu, peranan yang sama ditunjukkan oleh Harold MacMichael. Beliau menggunakan ugutan, ancaman dan tidak memberikan tempoh masa yang mencukupi kepada Raja-raja Melayu untuk memikirkan rancangan Malayan Union. Ini menyebabkan Harold MacMicheal dikutuk menerusi sepanduk yang dijulang ketika demonstrasi menentang Malayan Union pada Mei 1946. Antaranya, “Jahanamlah MacMichaelism[e]” dan “MacMichaelism[e] ialah Imperialism[e]”. Ia ditunjukkan ketika rombongan Gammans-Rees meninjau reaksi orang Melayu di Negeri Sembilan. Ibrahim Mahmood, *Sejarah Perjuangan Bangsa Melayu*, Pustaka Antara, Kuala Lumpur, 1981, hlm. 120. Untuk perbincangan lanjut tentang peranan Harold MacMichael, rujuk Albert Lau, *The Malayan Union Controversy 1942-1948*, Oxford University Press, Singapore, 1991, hlm. 109-118. Untuk perbincangan lebih lanjut, rujuk A.J. Stockwell, *British Policy And Malay Politics During The Malayan Union Experiment 1942-1948*, Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society (MBRAS), No. 8, 1979, hlm. 47-64.

¹⁶ Selepas bersetuju menyerahkan Sarawak kepada British, pada Disember 1946 Vyner Brooke menghantar Mac Bryan, Setiausaha Sulitnya untuk mendapatkan persetujuan Datu-datu Melayu. Mac Bryan tiba di Kuching pada 4 Januari 1946. Dalam usahanya mendapatkan persetujuan tersebut, Mac Bryan menderma \$42,000 kepada masyarakat Cina dan Melayu. Datu-datu Melayu pula diberikan \$42,000 sebagai gaji mereka selama pendudukan Jepun. Selepas Mac Bryan meninggalkan Kuching pada 7 Januari 1946, Datu Patinggi Abang Haji Abdillah mengadakan mesyuarat di Darul Kornia untuk membincangkan wang \$42,000 dan \$10,000 yang diberikan kepada Datu-datu Melayu dalam Majlis Tertinggi. Datu Patinggi Abang Haji Abdillah diberikan \$12,000 selepas bersetuju menandatangani dokumen penyerahan. Datu Patinggi Abang Haji Abdillah mengatakan beliau tidak bersetuju menandatangani dokumen itu kerana tidak faham isi kandungannya. Sebelum meninggalkan Datu Patinggi Abang Haji Abdillah, Mac Bryan berpesan kepadanya agar tidak memberitahu pegawai Eropah tentang dokumen tersebut. Sebelum itu, Mac Bryan berjaya mendapatkan persetujuan Datu Pahlawan Abang Mustapha, Datu Mentri Zain Mohamad, Datu Amar Abang Sulaiman dan Datu Hakim Haji Mohidin. Seterusnya, mereka menemui Datu Patinggi Abang Haji Abdilah. Mac Bryan memberitahu dokumen itu adalah rayuan kepada Vyner Brooke agar kembali ke Sarawak. Ini menyebabkan Datu Patinggi Abang Haji Abdillah bersetuju menandatangani dokumen penyerahan. R.H.W. Reece, *The Name of Brooke*, hlm. 198-203. Sanib Said, “Anti-Cession Movement”, hlm. 18-19. Yusuf Peter Heaton, “The Anti-Cession

[S]esungguhnya chara2 yang telah digunakan buat menerus penyerahan Sarawak tadi adalah luar biasa dan tidak bersasau dengan perotoran dunia tammadun sekarang. Oleh kerana itulah makanya raayat jelata Sarawak mesti membangkang dan membangkang terus.¹⁷

Kelima, penyerahan Sarawak bertentangan dengan Piagam Atlantik.¹⁸ British, sebagai kuasa Barat yang turut mempersetujui Piagam Atlantik, bersetuju membebaskan tanah-tanah jajahannya selepas Perang Dunia Ke-II. *UA* menyokong tindakan British memerdekaan tanah jajahannya seperti India, Pakistan dan Burma.¹⁹ Tetapi, tindakan British menjajah Sarawak selepas Perang Dunia Ke-II, jelas bertentangan dengan Piagam Atlantik dan dekolonialisasi di Asia juga. Bagi *UA* dan golongan anti penyerahan,

Movement In Sarawak”, hlm. 60-61. Mohammad Hasbie Sulaiman, *Perjuangan Anti-Cession Sarawak*, hlm. 60-63.

¹⁷ *Utusan ASAS*, 1 Disember 1947, hlm. 2.

¹⁸ Ia hasil deklarasi antara Perdana Menteri Britain, Churchill dan Presiden Amerika Syarikat, Roosevelt selepas diadakan mesyuarat khas pada Ogos 1941. Ia disyntiharkan pada 14 Ogos 1941. Antara isi pentingnya ialah “sought no territorial gains ; desire no territorial changes not acceptable to the peoples concerned ; respect the right of all peoples to choose their own form of government ; wished to see self-government restored to the occupied countries ; hope to see a peace affording security to all nations”. *The Hutchinson Dictionary of World History*, Helicon Publishing Ltd., London, 1995, hlm. 41-42. *The Historical Encyclopedia of World War II*, Fact On File, New York, 1980, hlm. 30. J.A.S. Grenville, *The Collins History of The World In The Twentieth Century*, Harper Collins Publishers, London, 1994, hlm. 268 ; 312.

¹⁹ Pada 1946, British memberikan kemerdekaan kepada Jordan. Ini diikuti oleh India dan Pakistan pada 1947. Sri Lanka dan Burma pula dimerdekaan pada 1948. Palestin juga merdeka daripada jajahan British pada 1948. Untuk perbincangan lanjut, rujuk P.J. Marshall (ed.), *The Cambridge Illustrated History of the British Empire*, Cambridge University Press, London, 1996, hlm. 80-107. Untuk latar belakang umum dan kronologi sejarah Komanwel, rujuk James A. Williamson, *A Notebook of Commonwealth History*, MacMillan, London, 1967. Untuk perbincangan lebih lanjut, rujuk George W. Southgate, *Tawarikh Empayar dan Komanwel British*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1966.

tindakan British ini sangat “changgong”²⁰ dan tidak ada sebab bagi British menjajah Sarawak. *UA* menegaskan :

Dasar kerajaan British terhadap Negara Sarawak yang sudah merdeka 100 tahun itu adalah berlawanan dengan Piagam Atlantik ... Kerajaan British hendaklah mengubahkan dasarnya di Sarawak ini ... Dasar Penjajahan yang sedang berjalan sekarang adalah mengotorkan Tawarekh Bangsa British; dan ketulusan Kerajaan British pada memberi kemerdekaan kepada Burma, India dan Pakistan adalah terchedera oleh dasar penjajahannya di Sarawak.²¹

Keenam, keputusan Charles Vyner Brooke menyerahkan Sarawak kepada British juga bertentangan dengan Perlembagaan Negeri 1941.²² Ia dengan jelas mengiktiraf kemerdekaan Sarawak. Perlembagaan Negeri 1941 juga menyediakan rakyat Sarawak ke arah usaha berkerajaan sendiri. Sebaliknya, Perlembagaan 1941 tidak memperuntukkan

²⁰ *Utusan ASAS*, 15 Disember 1947, hlm. 1 dan 1 Mac 1948, hlm. 2.

²¹ *Utusan ASAS*, 15 Disember 1947, hlm. 2.

²² Pada 31 Mac 1941, Vyner Brooke mengisyiharkan Sarawak mempunyai perlembagaan bertulis sempena menyambut 100 tahun pemerintahan Brooke yang disambut pada September 1941. Antaranya, ia bertujuan menyediakan Sarawak ke arah berkerajaan sendiri untuk menggantikan pemerintahan Brooke melalui prinsip demokrasi secara berperingkat-peringkat. Sebuah badan penasihat perundangan juga ditubuhkan untuk menasihatkan Rajah dalam pentadbirannya. Ia merupakan perlembagaan yang liberal, berhasrat menjamin kepentingan dan hak penduduk Sarawak di sisi perlembagaan. Melaluinya juga Vyner Brooke memindahkan kuasa perundangannya dalam Majlis Negri kepada Ketua Setiausaha. Kuasa dan urusan perlantikan waris Raja Sarawak pula akan ditentukan oleh Jawatankuasa Pentadbiran Negeri. Ini ditentang oleh Bertram dan Anthony Brooke kerana takhta kerajaan tidak lagi semestinya menjadi hak mereka. Bahkan, Vyner berusaha mewariskan takhta kerajaan kepada anaknya (perempuan) menerusi Perlembagaan 1941 tetapi gagal kerana ia bertentangan dengan wasiat James dan Charles Brooke. Untuk perbincangan lanjut, rujuk R.H.W. Reece, *The Name of Brooke*, hlm. 73-93. Anthony Brooke, *The Facts About Sarawak*, hlm. 35-38.

kuasa dan hak kepada ahli Majlis Tertinggi dan Majlis Negri untuk menyerahkan Sarawak kepada mana-mana kuasa asing.

Bagi *UA*, Perlembagaan Negeri 1941 memberikan kuasa dan tanggungjawab kepada ahli Majlis Negri untuk memelihara dan menjaga kepentingan Sarawak. Tetapi, tindakan sebahagian ahli Majlis Negri menyerah Sarawak kepada British bukanlah usaha memelihara dan menjaga kepentingan Sarawak. Ia jelas bertentangan dengan tanggungjawab ahli Majlis Negri seperti yang diperuntukkan oleh Perlembagaan 1941.²³ Ini menyebabkan golongan anti penyerahan dan *UA* tidak mengiktiraf keputusan Majlis Negri. Ini kerana ahli Majlis Negri tidak mempunyai kuasa perundangan untuk menyerahkan Sarawak sebagai tanah jajahan kepada British.²⁴ *UA* menjelaskan :

Lebih lanjut lagi bahwa kedua-dua Council itu [Majlis Tertinggi dan Negri] telah ditubuhkan menurut Perlembagaan 1941 yang menetapkan bahwa tanggungan ahli-ahli kedua Council itu ialah memperelokkan Pemerintahan Sarawak bukan menyerahkan Negri Sarawak

²³ Berdasarkan Perlembagaan 1941, khususnya merujuk kepada The Nine Cardinal Principles dinyatakan, “Sarawak is the heritage of Our Subject and is held in trust by Ourselves for them. That the public servants shall ever remember that they are the servants of the people on whose goodwill and cooperation they are entirely dependent. That the goal of self-government shall always be kept in mind, that the people of Sarawak shall be entrusted in due course with the governance of themselves, and that the continuous effort shall be made to hasten the reaching of this goal by educating them in the obligations, the responsibilities, and the privileges of citizenship”. Anthony Brooke, *Facts About Sarawak*, hlm. 35-40. Yusuf Peter Heaton, “The Anti-Cession Movement In Sarawak”, hlm. 58. R.H.W. Reece, *The Name of Brooke*, hlm. 81.

²⁴ Majlis Negri bukan menggambarkan pendapat umum dan seluruh rakyat Sarawak. Keahliannya tidak berdasarkan kepada perwakilan dan nisbah penduduk Sarawak. Oleh itu, Majlis Negri bukan badan perwakilan rakyat Sarawak yang sebenar. Liang Kim Bang, *Sarawak 1941-1957*, hlm. 7.

Merdeka ini kepada Britain! Pendeknya bahwa penyerahan yang haram itulah sebabnya yang utama bagi kerajaan British mesti mengubah sikap penjejahannya terhadap Sarawak.²⁵

Penyerahan Sarawak secara rasmi kepada British pada 1 Julai 1946 menyebabkan *UA* menyifatkan Sarawak adalah mangsa penjajahan British. Bagi *UA*, British juga berperanan sebagai dalang penyerahan. Ini kerana British terlibat merancang penjajahan Sarawak. Oleh itu, *UA* menyifatkannya sebagai rancangan British yang licik. Ia dinyatakannya dengan berkata :

[B]jahwa yang menchadang Penyerahan tanahayer mereka ialah Raayat British; yang menjalan penyiasatan bebas itupun dua orang Raayat British; yang menindas undian Raayat Sarawak dalam Council Negri pun undian Raayat British; dan yang menerima Penyerahan Sarawak pun Kerajaan British. Jadinya bahwa dimanakah suara Raayat Sarawak yang sebenar itu?²⁶

Surat bantahan PKMS mengukuhkan lagi penjelasan *UA* berhubung punca golongan anti penyerahan menentang penyerahan Sarawak. Surat bantahan ini dikemukakan oleh PKMS dan SDA bersama pertubuhan anti penyerahan di seluruh Sarawak. Surat itu dihantar kepada Ratu Elizabeth II²⁷ bertarikh 10 Februari 1948.²⁸ Abang Haji Zaini²⁹

²⁵ *Utusan ASAS*, 1 Februari 1948, hlm. 3.

²⁶ *Utusan ASAS*, 1 Mei 1948, hlm. 3.

²⁷ Beliau lahir pada 1926 di London, hasil perkahwinan Raja George VI dengan Elizabeth Alexandra Mary. Ratu Elizabeth II menjadi pemerintah Britain dan Ireland Utara sejak 1952. Semasa Perang Dunia ke-II meletus, beliau berkhidmat dalam *Auxiliary Territorial Service*. *The Hutchinson Dictionary of World History*, lm. 192.

selaku Presiden PKMS, selain mengecam British sebagai “penghisap darah”,³⁰ turut menegaskan :

Kami mewakili sekalian bumiputera Sarawak dengan hormatnya menjemput perhatian kebawah DYMM [Duli Yang Maha Mulia] kepada perkara2 yang sebenarnya berkenaan dengan halehwal Sarawak. Raja kami Sir Charles Vyner Brooke yang tarafnya menurut yang telah ditafsirkan oleh almarhum ayahenda kebawah DYMM sebagai seorang raayat DYMM dan Raja bagi sebuah negri yang bersahabat, telah diartirapkan kemerdekaannya

Tawaran permulaan bagi penyerahan itu dan penerimaan yang serta menyerta dari pehak DYMM telah terbit daripada rundingan2 sulit manakala Wakil2 umat Sarawak dan Tuan Muda kami, bakal warith takhta itu telah diketepikan.

²⁸ Ia merupakan lanjutan dan penegasan semula terhadap surat yang dihantar oleh PKMS kepada Arden Clarke pada hari pelantikannya sebagai Gabenor Sarawak, 29 Oktober 1946. Abang Haji Zaini menegaskan, “Rajah Sir Charles Brooke ... has sought to cede Sarawak to the British crown ... there was no justice in this act, which constituted a breach of faith with the people. Furthermore, Sir Charles Vyner Brooke had no power whatsoever to offer cession.... The acceptance of his Majesty’s Government ... is not valid, and such an act is not only inconsistent with the Constitution but is also a breach of international law. The indigenous people throughout the entire country reject this act of cession and ... that is to say, the cession was not agreed to by the majority of the people”. Dipetik daripada Yusuf Peter Heaton, “The Anti-Cession Movement In Sarawak”, hlm. 66.

²⁹ Abang Haji Zaini Datu Bentara Hashim lahir pada 1890-an di Kampung Patingan, Kuching. Beliau merupakan petukang mahir dan kontraktor binaan. Ia dipelajarinya sejak kecil lagi dari ayahnya, Datu Bentara Hashim Ariff. Abang Haji Zaini mendapat pendidikan di Sekolah Melayu (Kuching). Abang Haji Zaini merupakan Presiden PKMS dari 1946-1953 dan penaja utama penerbitan *Utusan Sarawak* (1949) yang dimiliki anak sulungnya, Abang Ikhwan. Untuk perbincangan lanjut, rujuk Dayang Naralam Awang Raini, “Ikhwan Zaini : Satu Kajian Tentang Perjuangan dan Pemikiran Politiknya”, Latihan Ilmiah, B.A., Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, 1995/1996, hlm. 28-33.

³⁰ Ibid. hlm. 33.

Kenyataan kepada orang ramai yang dikeluarkan oleh Setiausaha Kerajaan bagi Jejahan Taalok [G.H. Hall]³¹ pada 6 Februari 1946, ialah suatu chadangan yang menggemparkan umat Sarawak dan juga Tuan Muda, yang ada mempunyai hak yang teristimewa bagi diajak berondeng dalam suatu perkara termustahak berkenaan Sarawak dan umatnya menurut wasiat siasah ayahendanya. Sir Charles Vyner Brooke masa menaiki Takhta Kerajaan dalam tahun 1917 telah berpegang tegoh diatas wasiat tersebut itu.

Walaupun banyak telah terbit tegoran² dari orang ramai dan tentangan² yang hebat dari pehak Wakil² raayat Sarawak, maka Rang Undang² penyerahan itu telah diluluskan juga dan telah disahkan oleh Council Negri dalam Bulan May 1946. Bagaimanapun keputusan ini telah didapati dengan penyertaan undi² dari ahli² resmi Bangsa Eropah dalam Majlis Mesyuarat itu jika tidaklah dengan undi² itu tentu sekali ditolak.

Pada masa berlaku penyerahan itu maka telah terbit tudohan² yang berat keatas Kerajaan DYMM tentang tidak semporna peratoran disisi perlombagaan demikian juga disisi ikhlak, maka sesunggohnya tuduhan-tuduhan ini telah diulang² beberapa kali dalam masa 18 bulan yang lalu ini tetapi tidaklah dijalankan penyiasatan....

[D]emikian juga tidak diberi layanan dengan resminya bagi menjawab bantahan² yang berulangkali ke atas langkah menaalki negeri kami itu, maka Kerajaan DYMM telah berdiri tetap dengan mengelakkan sebutan daripada tuduhan² yang tersebut diatas itu dan mengatakan penyerahan itu telah dilakukan dengan suatu chara yang betol disisi undang² dan perlombagaan.

³¹ Beliau lahir pada 1881. Hall mendapat pendidikan di Penrhycer Elementary School. Pada 1922, beliau terpilih sebagai Ahli Parlimen Parti Buruh Britain. Hall berkhidmat di Pejabat Tanah Jajahan pada 1940-45 sebagai *Parliamentary Under Secretary of State* dan *Parliamentary Under Secretary for Foreign Affairs*. Beliau dilantik sebagai Setiausaha Pejabat Tanah Jajahan mulai 3 Ogos 1945 menggantikan Oliver Stanley yang tamat tempoh perlantikannya pada 24 November 1945. A.J. Stockwell, *British Policy And Malay Politics During The Malayan Union Experiment 1942-1948*, hlm. 179. R.H.W. Reece, *The Name of Brooke*, hlm. 97.

Pehak Kerajaan DYMM juga berpegang mengatakan bahawa mereka yang menentang penyerahan dalam negeri itu bukannya wakil2 raayat amnya kami dengan hormatnya menulak dakwaan ini dan kami sekarang ini mengesahkan bahwa kami dengan tidak ada soal jawab lagi berdiri sebagai wakil bumiputera, dan terutama sekali lapisan mereka yang buta huruf maka kepada mereka sahajalah alatan2 penyerahan itu dapat difahamkan dengan nyatanya.³²

Di samping menegaskan :

Kami mengaku bahwa tidak ada sukongan kepada penaalokan itu daripada pihak bumiputera terkecualilah beberapa orang bekerja dengan kerajaan dan sebuah persekutuan [PMM] yang mempunyai sedikit ahlinya dan Yang Dipertuaanya [Abang Haji Mustapha] seorang berjawatan Penulong Pesurohjaya Police Sarawak....³³

Surat itu juga merayu :

Maka ialah ikhtiar-ikhtiar kami yang tidak mendapat layanan ini selama lebih 18 bulan bagi mendapat pengakuan kerajaan DYMM bagi Sarawak menurut kehendak-kehendak Piagam Atlantik yang Great Britain sama-sama hendak menghormatinya itulah kami sekarang ini mempersebahkan kepada pengetahuan DYMM atas permohonan kami yang benar supaya dibatalkan penyerahan itu dan membolehkan semula negri kami sebagai sebuah negri yang mempunyai Raja dan merdeka di bawah naungan kemuliaan DYMM.³⁴

³² *Utusan ASAS*, 15 Mac 1948, hlm. 1.

³³ Ibid.

³⁴ Ibid.

Pendirian PKMS turut diperkuuhkan oleh KIS. Pengerusinya, Lily Eberwein³⁵ juga menyatakan pendirian dan tuntutan kemerdekaan terhadap British. Beliau menegaskan :

Penyerahan yang haram itu dibenci dan tidak diterima oleh kaum ibu bumiputera Sarawak. Kami merayu kepada British supaya Kemerdekaan Sarawak itu dikambalikan. Kerajaan British jangan membutakan mata dan menutupkan telinga kepada tuntutan kami serta menjalankan dasar kekerasan terhadap tanahayer kami.³⁶

UA menegaskan rakyat Sarawak, terutamanya golongan bumiputera berhak membantah penyerahan. Bagi *UA*, mereka mahu British memberikan keadilan terhadap isu penyerahan Sarawak. Mereka menuntut suara bantahan golongan anti penyerahan diambil kira untuk menentukan sama ada Sarawak mesti diserahkan atau dimerdekakan. Seperti tegasnya :

Kita Bumiputera berhak membantah penyerahan yang tidak halal itu. Kita bebas berfikir dan bebas bercakap kerana menuntut keadilan, serta meminta parentahan Brooke balek di bawah parentahan Tuan Muda dan Raja Muda kita yang sebenarnya. Tidak siasiapa yang boleh menyalahkan kita.³⁷

³⁵ Beliau lahir pada 11 Julai 1900 di Singapura. Lily mendapat pendidikan di Raffles Girls' School (Singapura) dan St. Marry (Kuching). Beliau pernah berkhidmat sebagai Guru Besar di Sekolah Permaisuri, Kuching pada 1930. Lily dilantik sebagai Pengurusi Pertubuhan Kaum Ibu Sarawak yang ditubuhkan oleh Jepun. Pada 1947-1952, Lily memimpin KIS. Pada 1950, beliau dilantik sebagai Kaunselor di Majlis Perbandaran Kuching. Beliau merupakan ahli Barisan 338 dan dilantik sebagai Naib Presiden PKMS pada 1953-59. Fail Wanita Melayu Sarawak, Box P / P / C / A / d3, Arkib Negeri, Kuching. Nordi bin Achie, "Wanita dan Politik Sarawak 1946-1996 : Penglibatan, Peranan dan Tokoh", Latihan Ilmiah, B.A., Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, 1996/1997, hlm. 22-56.

³⁶ *Utusan ASAS*, 15 Disember 1947, hlm. 1.

³⁷ *Utusan ASAS*, 10 Oktober 1947, hlm. 1.

UA menjelaskan kebangkitan perjuangan anti penyerahan bukan kerana mereka benci kepada British. Ia juga bukan kerana terpengaruh dengan pihak luar.³⁸ Tetapi, mereka menentang tindakan British merampas kemerdekaan Sarawak dan menjadikan Sarawak sebagai tanah jajahan. Matlamat perjuangan anti penyerahan ialah mendapatkan semula kemerdekaan Sarawak. Mereka juga menuntut pemerintahan Brooke dikekalkan. Atas semangat dan kesedaran ini, *UA* mengingatkan golongan anti penyerahan agar tidak mengkhianati perjuangan biarpun diancam oleh British dan pihak pro penyerahan. Lantaran itu, *UA* menegaskan :

Mereka itu tetap menentang penyerahan yang haram itu hingga maksud tercapai ... kerana menuntut kembali akan takhta Raja dan kemerdekaan; dan mereka itu tidak akan terpedaya oleh pengakuan yang dibuat-buat atau ditunjok-tunjok sahaja untuk menarek mereka itu.³⁹

UA juga melahirkan perasaan kesalnya terhadap tindakan British menerima keputusan Majlis Negri yang diputuskan pada 16 Mei 1946. British menyifatkannya sebagai jalan terakhir untuk memutuskan usul penyerahan Sarawak. Bagi *UA*, ia bukanlah jalan terakhir kerana bumiputera juga berhak membuat keputusan. British tidak mengambil kira bantahan sebahagian besar bumiputera. Sebahagian besar wakil bumiputera dalam

³⁸ Bidasan ini ditujukan kepada ucapan Vyner Brooke pada Hari Penyerahan Sarawak, 1 Julai 1947. Vyner Brooke berkata, "Saya tahu bahawa terdapat sebahagian rakyat di Sarawak yang dipengaruhi oleh orang luar negeri ini, yang cuba mengekalkan kemerdekaan mereka terhadap apa yang telah berlaku. Tangisan mereka disebabkan oleh kehilangan kemerdekaan dan berharap untuk mendapatkannya semula". *Sarawak Gazette*, Julai 1947, hlm. 53. Dipetik daripada Sanib Said, *Malay Politics in Sarawak 1946-1966*, hlm, 48-49.

³⁹ *Utusan ASAS*, 1 Disember 1947, hlm. 2.

Majlis Negri juga menentang usul penyerahan Sarawak. *UA* juga terkilan dengan dakwaan British yang sebahagian kecil sahaja penduduk bumiputera menentang penyerahan.⁴⁰ Ia bertentangan dengan realiti perjuangan anti penyerahan di Sarawak. *UA* menegaskan :

Bumiputera Sarawak telah dan sedang bersuara pada membangkang penyerahan yang disifatkan haram oleh mereka itu dengan menerusi persekutuan-persekutuannya. Demikian juga perasaan dan kemahuan mereka itu dipertunjukkan dengan demonstration-demonstration dan persidangan yang benar buat membuktikan bahawa pehak Bumiputera yang membangkangkan itu ialah sebahagian yang besar. Sebaliknya tidak ada pergerakan dan lain-lainnya dari raayat Sarawak sendirian yang boleh membuktikan bahawa raayat itu suka kepada penyerahan, lain daripada penerangan-penerangan yang dibuat oleh pihak berkuasa.⁴¹

Berhubung perkembangan semasa perjuangan anti penyerahan, *UA* menegaskan ia semakin berpengaruh. Sokongan bumiputera bertambah kuat. Ia berkembang dari pesisir hingga ke pedalaman. Kesedaran anti penjajahan yang meletus di Kuching, merebak ke Simanggang, Sibu, Kapit, Miri dan Limbang. Terdapat 16 buah pergerakan anti penyerahan ditubuhkan.⁴² Ini menunjukkan sebahagian besar bumiputera menentang penyerahan Sarawak dan penjajahan British. *UA* menegaskan :

⁴⁰ Tom Harrison dalam *The Observer* mengatakan, “majoriti daripada tiga kaum terbesar menerima penyerahan”. Guy Wint, dipetik oleh *Sarawak Tribune* berkata, “penyerahan Sarawak kepada British adalah permintaan rakyat”. Dipetik daripada Liang Kim Bang, *Sarawak 1941-1957*, hlm. 12.

⁴¹ *Utusan ASAS*, 1 Disember 1947, hlm. 2.

⁴² *Utusan ASAS*, 1 Februari 1948, hlm. 4.

Persekutuan raayat Bumiputera Sarawak dan pemimpin-pemimpinnya telah bertalu-talu menerangkan perasaan dan kemahuan raayat yang semacham itu terhadap penyerahan tanahayer mereka. Perasaan dan kemahuan itu ta'kan kurang, bahkan bertambah-tambah lagi dari satu masa ke satu masa. Sekarang dapatlah dibuktikan bahwa penerangan-penerangan yang telah didzahirkan mereka itu adalah sunggoh benar, dan ta' dapat dinafikan lagi.⁴³

Pada penghujung 1947, perjuangan anti penyerahan berusia hampir dua tahun. Tekanan daripada British dan persaingan mendapatkan sokongan rakyat semakin sengit. *UA* menyeru pejuang anti penyerahan agar menilai perjuangan mereka. Golongan anti penyerahan harus menilai kekuatan dan kelemahan mereka. Mereka tidak harus lalai dengan pertambahan sokongan bumiputera. Mereka juga diingatkan agar teguh mendokong perjuangan menuntut kemerdekaan tanah air. *UA* menuntut mereka tabah menghadapi tekanan British dan ancaman pihak pro penjajahan. *UA* mengingatkan :

Kini, hari ini, 12 bulan yang telah berlalu, segala peristiwa itu sepatutnya disifatkan sebagai pengalaman-pengalaman dan teladan-teladan yang sebaik-baiknya untuk keinsafan kita, dan itulah juga hendaknya diperhatikan sebagai pedoman untuk dasar perjuangan kita menibus hak bangsa dan tanahayer Sarawak kita yang dichintai itu.⁴⁴

UA juga mempertikaikan hasil peninjauan D.W. Rees dan L.D. Gammans.⁴⁵ Bagi *UA*, laporan mereka menyimpang daripada tujuan sebenar misi tersebut. Menurut *UA*, ia

⁴³ *Utusan ASAS*, 15 Disember 1947, hlm. 2.

⁴⁴ *Utusan ASAS*, 1 Januari 1948, hlm. 2.

⁴⁵ Untuk perbincangan lanjut, rujuk R.H.W. Reece, *The Name of Brooke*, hlm. 221-229. Mohammad Hasbie Sulaiman, *Perjuangan Anti-Cession Sarawak*, hlm. 73-77.

bertujuan “mengadakan penyiasatan bebas” bagi menentukan “adakah chadangan Rajah hendak menyerah negri kepada Baginda King itu diterima dengan lebarnya oleh puak-puak [penduduk] bumiputera”.⁴⁶

UA menegaskan “hanya puak2 bumiputeralah sahaja akan memutus masaelah negri itu kepada Baginda King”. Laporan yang dikemukakan oleh Rees dan Gammans tidak mengambil kira reaksi bumiputera. Sebaliknya, ia mengambil kira reaksi “pendudok2 Sarawak”. Bagi *UA*, ia adalah “tipu muslihat penjajah yang telah mengabu[r]i mata orang ramai British dan ahli2 Parliament yang tidak mengetahwi keadaan Sarawak yang sebenarnya”. Ini kerana :

[P]erbedzaan diantara perkataan puak2 bumiputera dan perkataan pendudok Sarawak ialah yang pertama itu [penduduk bumiputera] choma berarti kepada bumiputera sahaja, dan yang satu lagi itu [penduduk Sarawak] berarti kepada segala pendudok2 Sarawak.⁴⁷

UA turut mempertikaikan laporan Rees dan Gammans yang menyatakan “fikiran [rakyat] dalam negri itu chukup bersetuju dan suka [terhadap penyerahan Sarawak kepada British]”. *UA* meragui kesahihan laporan tersebut. Ini kerana ia “adalah kenyataan yang mustahil boleh seluroh Sarawak dalam tempoh yang begitu pendek bagi kedua2 mereka menjalankan penyiasatan bebasnya”. Ini menyebabkan *UA* menyifatkan “perlawatan

⁴⁶ *Utusan ASAS*, 1 Mei 1948, hlm. 3.

⁴⁷ Ibid.

Rees dan Gammans ke Sarawak sebagai tipu muslihat penjajah sahaja".⁴⁸ UA menegaskan :

Maka dengan tactic politic penjejahan yang mengabui mata inilah Sarawak sebuah Negri yang telah merdeka 100 tahun itu sudah tertelan ... maka raayat dapatlah membayangkan bagaimana chara2 dan tipu daya yang menyebabkan Tanahayer mereka terjajah ... maka dapatlah juga raayat keterangan yang Penyerahan Sarawak itu tidak dipersetujui oleh Raayat Sarawak sendiri.⁴⁹

Meskipun penentangan bumiputera terhadap penyerahan Sarawak semakin kuat, tetapi British enggan menerima hakikat perjuangan tersebut. British bukan sahaja memperkecil-kecilkan perjuangan anti penyerahan, bahkan bertegas mempertahankan keabsahan penyerahan Sarawak⁵⁰ kepada British. Setiausaha Negara Jajahan Takluk menerusi Pemangku Timbalan Ketua Setiausaha, D.C. White, pada 14 Januari 1948 menyatakan British tidak akan menarik balik keputusan penyerahan Sarawak. Tidak ada sebab bagi British mengubah sikapnya terhadap masalah penyerahan. Menurutnya :

⁴⁸ Ibid.

⁴⁹ Ibid.

⁵⁰ Arden Clarke mengatakan, "Malangnya hanya sebahagian kecil sahaja penduduk bumiputera yang menentang penyerahan. Sedangkan, sebahagian besar daripada rakyat sudah bersedia menerima British". Menurutnya lagi, "golongan ini cuba melancarkan propaganda dan rancangan untuk menimbulkan keraguan dan tentang terhadap penyerahan Sarawak kepada British. Di mana-mana pun tidak ada tanda gerakan anti penyerahan". *Sarawak Gazette*, Februari 1947, hlm. 77. Dipetik daripada Sanib Said, *Malay Politics in Sarawak 1946-1966*, hlm. 52.

Pendirian ini dibuat berdasarkan kepada bahwa keputusan yang akhir di dalam perkara ini [di Majlis Negri] telah dijalankan dengan menurut undang-undang dan peraturan oleh kedua-dua Council dalam May 1946.⁵¹

Namun, penyataan ini dibidas oleh *UA* dalam penegasannya :

Di tentang ini, rakyat tahu dengan penohnya bagaimana Council Negri itu telah dijalankan, dan lebih lagi tahu berapa banyak wang yang telah dijalankan diterima oleh beberapa orang ahli kedua-dua Council [Majlis Negri dan Tertinggi] itu tadi, maka oleh kerana itulah rakyat menetapkan penyerahan itu haram.⁵²

Pertikaman pena juga berlaku antara *UA* dan *Sarawak Gazette*. *Sarawak Gazette* adalah organ British dan pihak pro penyerahan. Ini tidak menghairankan kerana editornya Penasihat Undang-undang Negeri, K.H. Digby.⁵³ *Sarawak Gazette* memperkecil-kecilkan perjuangan anti penyerahan. Ia juga melahirkan perasaan dukacitanya terhadap perjuangan tersebut. *Sarawak Gazette* berkata :

Adalah sekali lagi didukacitakan bahwa tidak samporna ulangkaji bagi tahun itu dengan tidak menyebut sadikit akan perjuangan “anti-cessonist”. Perjuangan itu maseh lagi berselang-selang giatnya di Kuching dan wakil-wakilnya telah berjaya membangkit pertunjokkan kerjasama kadang-kadangnya, terutamanya di antara orang-orang Melayu dan lain-lain sadikit bilangan pasisir-pasisir.

⁵¹ *Utusan ASAS*, 1 Februari 1948, hlm. 3.

⁵² *Ibid.*

⁵³ Digby menjadi editor *Sarawak Gazette* pada September 1946-Februari 1948. Beliau mendapat pendidikan dalam bidang undang-undang di Middle Temple pada 1934. Digby dilantik sebagai majistret di Kuching pada 1937. Pada Ogos 1940, beliau dilantik sebagai Pemangku Penasihat Undang-undang Negeri dan Pendaftar Mahkamah Tinggi Sarawak. R.H.W. Reece, *The Name of Brooke*, hlm. 78.

Di Kuching perjuangan itu kebanyakannya dengan chara demonstrations yang diadakan kira-kira tiga bulan sekali.⁵⁴

Bagi membidas pernyataan ini, *UA* menggunakan semula pengakuannya untuk menyelar golongan pro penyerahan. Pada dasarnya, *Sarawak Gazette* mengakui kewujudan golongan anti penyerahan dan kegiatan mereka. Tetapi, *Sarawak Gazette* tidak memberikan penghargaan terhadap golongan pro penyerahan pula. Ia merupakan tamparan kepada golongan pro penyerahan. *UA* menegaskan :

Sunggohpun pengarang itu [*Sarawak Gazette*] berdukachita menerangkan perjuangan itu, yang dijalankan berselang-selang dan disedikit-sedikit pasisir untuk ulangkajinya, tetapi sebaleknya kita bersukachita yang pengarang itu mengaku adanya giat perjuangan anti-cessionist itu. Kita pula berdukachita yang pengarang itu tidak menerangkan dalam ulangkajinya, perjuangan pro-cession dan di mana ataupun di pasisir mana adanya perjuangan pro-cession itu.⁵⁵

Menurut *Sarawak Gazette* lagi, perjuangan anti penyerahan menjadi lebih aktif dan berwibawa pada masa akan datang. Ia menjadi perjuangan yang berdiri sendiri, tanpa berganding bahu dengan Anthony Brooke. Masa depan perjuangan anti penyerahan terbina atas kekuatan mereka sendiri. Seperti katanya:

Maka tidak dapat dielakkan bahawa bila chukup masanya maka suatu pergerakkan nationalist dan independence yang betol dan chergas akan timbol, dan bilanya terbit maka pergerakkan itu tidak akan berhubong dengan nama Anthony Brooke.⁵⁶

⁵⁴ *Utusan ASAS*, 15 Februari 1948, hlm. 3.

⁵⁵ Ibid.

Pengakuan *Sarawak Gazette* berhubung masa depan dan hala tuju perjuangan anti penyerahan, disambut oleh *UA* seraya berkata :

Sekarang, boleh jadi raayat menyual: Apakah pergerakan nationalist dan independence yang dimaksudkan oleh pengarang Sarawak Gazette itu, dan di mana terbitnya? Raayat, agaknya, dapat menjawab soalan ini dengan sendiri.⁵⁷

UA terus membidas penyerahan Sarawak kepada British. Bagi *UA*, setiap pernyataan British yang serong terhadap gerakan anti penyerahan, mesti dijawab. Jika tidak, ia menjatuhkan semangat dan maruah perjuangan anti penyerahan. Ia juga dilihat oleh *UA* sebagai tindakan menyerah kalah dan menjadi tanggungjawab *UA* membidas propaganda British. *UA* sedar ia juga bertujuan mengaburi mata rakyat dan melemahkan semangat perjuangan golongan anti penyerahan. British percaya perjuangan anti penyerahan akan lenyap. Pernyataan ini disanggah oleh *UA* dengan berkata :

Perjuangan anti-cession sudah berumur lebih dua tahun. Harapan kerajaan British yang perjuangan itu akan mati dengan sendirinya nampaknya hampa sahaja, bahkan dia makin bertambah-tambah besar dan giat hingga menarik perhatian orang ramai di Britain dan America [sic] Sharikat.⁵⁸

Tindakan British menafikan tuntutan kemerdekaan daripada golongan anti penyerahan juga dibidas oleh Ranee Muda, Kathlen Brooke (isteri Anthony Brooke). Ia dinyatakan

⁵⁶ Ibid.

⁵⁷ Ibid.

⁵⁸ *Utusan ASAS*, 1 Mac 1948, hlm. 2.

oleh Kathlen Brooke di Pulau Pinang pada 27 Februari 1948. Beliau dipetik sebagai berkata :

Meskipun segala masaelah penaalokan dan larangan ke atas suami saya masok ke negri itu disiarkan, tetapi keadaan perkhabaran-perkhabaran di Sarawak adalah dilindungi dengan tabir besi.⁵⁹

UA membidas British kerana mempengaruhi pandangan rakyat dan pihak luar. British mendakwa bumiputera menerima penyerahan Sarawak.⁶⁰ Menurut *UA*, British juga mendakwa “penyerahan sudah berlaku dan raayat puas hati dengan kerajaan yang ada sekarang”.⁶¹ *UA* menyedari maksud tersirat di sebalik dakwaan British. *UA* menyifatkan dakwaan itu sebagai “buat mengukoh penjehahannya di Sarawak, sungguhpun perbuatan itu amat changgong di mata dunia dalam abad yang ke-20 ini”.⁶²

Bagi *UA*, hakikat sebenarnya ialah, “perjuangan pro-cession dari rakyat Sarawak tidak pernah terujud”.⁶³ Pihak yang sebenarnya mati bukannya golongan anti penyerahan tetapi golongan pro penyerahan. Mereka disifatkan oleh *UA* sebagai golongan yang

⁵⁹ Ibid., hlm. 4.

⁶⁰ Contohnya, Malcom Mac Donald menerusi kenyataan akhbarinya yang tersiar dalam *The Straits Times* mendakwa, “penyerahan [Sarawak] diterima oleh sebahagian besar daripada penduduk [Sarawak]”. Dipetik daripada Liang Kim Bang, *Sarawak 1941-1957*, hlm. 12.

⁶¹ *Utusan ASAS*, 1 Mac 1948, hlm. 2.

⁶² Ibid.

⁶³ Ibid.

diperkudakan oleh British untuk menyokong penyerahan Sarawak. Ia juga diperalatkan oleh British untuk menunjukkan kononnya sebahagian kecil sahaja bumiputera menentang penyerahan Sarawak dan penjajahan British.⁶⁴

Reaksi *UA* terhadap penyerahan Sarawak, jelas menunjukkan peranannya sebagai lidah pena golongan anti penyerahan. Kritikan dan bidasan *UA* terhadap British, memperlihatkan pemikiran anti penjajahannya. Tuntutan dan gesaan *UA* agar British mengembalikan kemerdekaan Sarawak mencerminkan kebangkitan semangat kebangsaan.⁶⁵

UA tidak mengajukan idea baru bagi menyelesaikan isu penyerahan. *UA* yakin ia dapat diselesaikan melalui proses mahkamah. *UA* juga yakin perjuangan secara berperlembagaan adalah cara terbaik menentang penyerahan Sarawak. Penjelasan *UA* terhadap isu penyerahan Sarawak mencakupi aspek perundangan dan perkembangan dekolonialisasi. Kedua-duanya merupakan asas hujah *UA* menentang penyerahan Sarawak. Ia juga mendasari pendirian *UA* dalam memperkatakan isu penyerahan Sarawak.

⁶⁴ Ibid.

⁶⁵ Sanib Said, “Anti-Cession Movement”, hlm. 75.

Penjajahan dan Kemerdekaan Sarawak

Isu penyerahan dan kemerdekaan Sarawak merupakan dua perkara yang berkait rapat. Penyerahan bererti penjajahan Sarawak. Penjajahan menghapuskan kemerdekaan Sarawak. *UA* memberikan tumpuan khusus terhadap tuntutan kemerdekaan Sarawak. Ia merupakan agenda perjuangan *UA* khususnya dan golongan anti penyerahan umumnya.⁶⁶

UA mengupas persoalan kemerdekaan Sarawak daripada tiga aspek. Pertama, *UA* mendedahkan erti dan kesan penjajahan. Kedua, *UA* menyuarakan penentangan golongan anti penyerahan terhadap penjajahan. Ketiga, *UA* mengemukakan tuntutan kemerdekaan Sarawak. Sikap anti penjajahannya menyebabkan *UA* bersikap kritis terhadap British. *UA* yakin usaha golongan anti penyerahan mendapatkan semula kemerdekaan daripada British akan berjaya.

Kebangkitan golongan anti penyerahan berasaskan kepada kefahaman yang jelas tentang erti dan kesan penjajahan. Menurut *UA*, perjuangan anti penyerahan bangkit akibat daripada dua faktor utama. Pertama, penjajahan menyebabkan terhapusnya hak milik tunggal bumiputera terhadap tanah airnya hingga menyebabkan “no more patronising paternalism” dan “no more invocation of *bangsa*” seperti yang ditegaskan oleh *Sarawak*

⁶⁶ Seperti yang ditegaskan oleh Yusuf Peter Heaton, “it can be said that the anti-cessionists deserve the admiration of all people in Sarawak for the way in which they fought their battle [for independence] ... they did a lot for Sarawak, first by letting the British know that Sarawak wanted its independence and secondly by awakening the political consciousness of the people. Their dedication to their cause was deep and strong and at all times they were fighting not for themselves but for what they thought was best for Sarawak”. Yusuf Peter Heaton, “The Anti-Cession Movement In Sarawak”, hlm. 71.

Gazette.⁶⁷ Sebaliknya, ia diserahkan kepada kolonial British. Penjajahan juga menyebabkan mereka diperintah oleh kuasa asing. Mereka tidak lagi menjadi rakyat merdeka. Ia dihapuskan dan digantikan dengan rakyat penjajah. Atas kesedaran ini, *UA* menegaskan :

[K]emerdekaan dan kedaulatan itu-lah Kehormatan kita Bumiputera yang terbesar sekali dalam ADAT kita dan Negri kita. Kuasa yang tertinggi sekali dalam hal ehwal negeri kita ia-lah Raja kita yang dudok bersama2 kita dalam Negri kita. Hal sekarang sudah berubah: Raja kita tidak ada di Sarawak, Bendera Kebangsa-an kita Sarawak sudah di-turunkan di-Kubu2 di seluroh Sarawak, dan Kuasa yang tertinggi sekali itu sudah di-pindahkan 8,000 batu dari Negri kita ia-itu di-Bandar London.⁶⁸

Sebaliknya :

Di bawah pemerintahan Brooke maka kuasa yang tertinggi sekali itu ada pada Raja yang tinggal di Astana, Kuching. Negri itu berpindah ke London ... Jadi apakah kuasa yang tinggal kepada Governor yang diam di Astana di Kuching pada masa ini?⁶⁹

Ini menyebabkan *UA* mempersoalkan penjajahan British ke atas Sarawak dengan menegaskan :

Peperangan Dunia Yang Ke-2 telah berlaku kerana mempertahankan hak kemerdekaan segala bangsa. Negara

⁶⁷ *Sarawak Gazette*, 1 September 1947. Dipetik daripada Craig A. Lockard, "The Southeast Asian Town in Perspective", hlm. 470.

⁶⁸ *Utusan ASAS*, 10 Oktober 1947, hlm. 1.

⁶⁹ *Utusan ASAS*, 15 Disember 1947, hlm. 2.

Sarawak ialah sebuah negara yang telah sedia merdeka ; tetapi apa pula kemerdekaan Sarawak itu dihapuskan kamudian daripada Peperangan itu?⁷⁰

Kedua, penjajahan British merupakan suatu penghinaan terhadap bumiputera. Bagi golongan anti penyerahan, kemerdekaan tanah air amat tinggi nilainya. Ia tidak dapat ditukar ganti dengan keperluan lain. *UA* menegaskan :

Raayat selalu mendengar pengakuan hendak memajukan perkhidmatan raya, kesehatan dan perubatan, dan meninggikan mutu pelajaran dan kehidupan raayat. Tetapi adalah raayat redza menukarkan kemerdekaannya dengan segala-galanya itu boleh didapati dengan ta'usah kemerdekaan raayat itu dihapuskan.⁷¹

UA juga menyuarakan pendirian golongan anti penyerahan. Golongan anti penyerahan menuntut agar kemerdekaan Sarawak dikembalikan. Mereka mahu British kekal sebagai penaung Sarawak. Sebagai negeri protektorat British, golongan anti penyerahan juga mahu Sarawak menyertai Komanwel British.⁷²

⁷⁰ Ibid.

⁷¹ *Utusan ASAS*, 1 Disember 1947, hlm. 2. Ia juga merupakan bidasan terhadap ucapan Abang Haji Mustapha dalam Majlis Negri, 15 Mei 1946. Beliau mengatakan, "Sarawak memerlukan jumlah wang yang besar untuk pembangunan semula selepas Perang Dunia Ke-II. Hanya kerajaan yang besar seperti British dapat membantu Sarawak. British juga dapat melindungi Sarawak daripada ancaman kuasa-kuasa besar. Bagi pihak orang Melayu, beliau menuntut supaya lebih banyak sekolah dibina di bawah pemerintahan British. Katanya lagi, "ia bukan merangkumi perubahan yang merangkumi seluruh perubahan yang mendadak dan rombakan kepada hak kita dalam perlombagaan, tapi untuk memberikan kepada kita kehidupan yang lebih sejahtera dan makmur pada masa akan datang". Dipetik daripada Sanib Said, *Malay Politics in Sarawak 1946-1966*, hlm. 47.

⁷² Komanwel British terbentuk hasil gabungan tanah jajahan British. Peluasan jajahan British berlaku mulai abad ke-18. Sehingga 1850-an, British berjaya meluaskan

UA meletakkan tiga asas penting yang mendasari pendirian ini. Pertama, Sarawak adalah negeri yang merdeka di bawah pemerintahan Brooke. Mereka mahu taraf kemerdekaan negeri dikenalkan. Kedua, generasi terdahulu berjanji taat setia kepada Brooke. Mereka juga mahu mempertahankan taat setia dan pemerintahan Brooke. Ketiga, Sarawak mampu berdikari dalam pembangunan di bawah pemerintahan Brooke. Bagi golongan anti penyerahan, tidak ada sebab pemerintahan Brooke mesti ditukar kepada British. Malah, bumiputera mengakui Brooke sebagai pemerintah yang sah.⁷³

Bagi *UA*, British merupakan “bangsa yang masih lagi menghidupkan semangat maharajalela atau pena’lokkan di zaman atom sekarang”.⁷⁴ Polisi penjajahan British juga menyebabkan “dunia termestinya [ber]ada dalam lebeh2 merbahaya dari zaman2 yang lepas”.⁷⁵ *UA* juga menyelar penjajahan British sebagai perbuatan kolot dan tidak bertamadun pada abad ke-20 :

jajahannya dari Amerika Utara ke Australia. Antaranya Columbia, Vancouver Island, Kanada timur dan barat, Nova Scotia, Newfoundland, Honduras, Indies barat, Guiana, Falkland, Afrika Selatan, Heligoland, Malta, Ionian Island, Gibraltar, Sierra Leon, Gambia, Ghana, Mauritius, Seychelles, Aden, Ceylon, India, Burma, Pulau Pinang, Singapura, Melaka, Singapura, Hong Kong, Australia dan New Zealand. Ia berkembang hingga meletusnya Perang Dunia Ke-II yang meliputi seluruh Kanada, Nigeria, Rhodesia Utara, Afrika Barat Daya, Nyasaland, Kenya, Sudan, Palestin, Nepal, India, Solomon dan Papua New Guinea Timur. Borneo (Sarawak, Brunei dan Sabah) dijadikan tanah jajahan British selepas Perang Dunia Ke-II. Untuk perbincangan lanjut, rujuk P.J. Marshall (ed.), *The Cambridge Illustrated of the History British Empire*, hlm. 16-107.

⁷³ *Utusan ASAS*, 10 Oktober 1947, hlm. 1.

⁷⁴ *Utusan ASAS*, 15 Disember 1947, hlm. 2.

⁷⁵ *Ibid.*

Sekarang kerajaan British-lah bertanggongjawab di atas apa yang telah diperbuatnya di Sarawak. Maka adakah Kerajaan British seterusnya berpegang kepada penyerahan yang tidak dipersetujui oleh rakyat Sarawak itu. Dan adakah Kerajaan British termesti menjalankan Policy Penjejahan Kolot dalam sulohan dunia kesedaran sekarang?⁷⁶

UA mengecam British sebagai “kerajaan yang selalu bersurak² mengakui berdasarkan Democracy dan berusaha mendirikan keamanan dunia”.⁷⁷ Walhal, penjajahan Sarawak jelas bertentangan dengan demokrasi yang dilaungkannya. Ini menyebabkan *UA* menyifatkan British sebagai “singa lapar yang menerkam mangsanya”.⁷⁸

UA menyifatkan penjajahan British sebagai punca perpecahan bumiputera. Ia menyebabkan berlakunya persengketaan antara pihak anti penyerahan dengan pro penyerahan.⁷⁹ *UA* mempertanggungjawabkan penjajahan British sebagai punca terjejasnya kesentosaan masyarakat. Lantaran itu, *UA* menegaskan :

⁷⁶ Ibid.

⁷⁷ *Utusan ASAS*, 1 Januari 1948, hlm. 1.

⁷⁸ *Utusan ASAS*, 1 April 1948, hlm. 1.

⁷⁹ Pada 8 Ogos 1946, golongan anti penyerahan yang hendak menunaikan solat hajat dan perhimpunan sempena meraikan hari lahir Bertram Brooke, memulaukan Masjid Negeri kerana imamnya, Haji Nawawi (Mufti Sarawak) menyokong usul penyerahan. Mereka tidak bersolat di Masjid Negeri tetapi menunaikan solat di Masjid India dan surau di kampung-kampung Melayu. Pulau-memulau juga berlaku dalam menentukan tarikh bulan puasa. Hari Raya Puasa juga disambut pada tarikh yang berlainan. Ia juga berlaku dalam majlis perayaan, kematian dan keagamaan. Datu-datu Melayu dan pihak pro penyerahan juga menjadi bahan cemuhan golongan anti penyerahan. R.H.W. Reece, *The Name of Brooke*, hlm. 267. Mohammad Hasbie Sulaiman, *Perjuangan Anti-Cession Sarawak*, hlm. 98. *Utusan Sarawak*, 7 Mac 1949, hlm. 2 ; 27 Mac 1949, hlm. 3 ; 11 April 1949, hlm. 2 ; 4 Julai 1949, hlm. 3 ; 26 September 1949, hlm. 4 ; 10 Oktober 1949, hlm. 2

Utusan ASAS harus memperingati bahawa udara Sarawak telah keroh selama ini dikerohkan oleh putarbelit penjejahan, hanya umat Sarawak sendirilah mesti memberseh kekerohan ini dengan penoh perpaduan tenaga yang tegoh lagi berdasar fikiran yang lebeh sihat supaya Sarawak dan raayat2-nya mungkin menjadi tumpuan perhatian dan ujian besar kepada seluroh Kerajaan dimuka dunia...⁸⁰

Tindakan British menjajah Sarawak amat dikesali oleh *UA*. British diibaratkan, “harapkan pagar, pagar makan huma”.⁸¹ British bukan hanya gagal melindungi Sarawak (merujuk kepada Perjanjian 1888) apabila diserang oleh Jepun, lebih malang lagi ia menjajah pula Sarawak selepas Perang Dunia Ke-II. Ujarnya lagi :

Sebelum berlaku Perang Dunia Yang Ke-2 tadi, Negara Sarawak Merdeka pernah menulong Britain dengan wang berjuta2 ringgit.⁸² Bantuan Britain kepada Negara Sarawak susah hendak diketahui lain daripada Naongannya sahaja. Naongannya itupun sudah terkechewa apabila Bangsa Jepun dapat menawan Sarawak tadi. Adalah diketahui oleh raayat bahwa yang mengambil balek Sarawak tadi ialah Tentera Bersekutu [bukannya tentera British].⁸³

; 31 Oktober 1949, hlm. 2 ; 6 Mac 1950, hlm. 3 ; 5 Jun 1950, hlm. 2 ; 17 Julai 1950, hlm. 4 ; 7 Ogos 1950, hlm. 2 dan 14 Ogos 1950, hlm. 4.

⁸⁰ *Utusan ASAS*, 1 Januari 1948, hlm. 2.

⁸¹ *Utusan ASAS*, 15 Januari 1948, hlm. 3.

⁸² Ia mempunyai asas yang kukuh juga. Pada 1937, Vyner Brooke memperuntukkan 25,000 pound sterling kepada Brunei-Sarawak Defense Force di bawah kelolaan British Oversea Defence Committee. Pada 1939 pula, Vyner Brooke menambah bantuannya sejumlah \$1,000,000.00 dan ikuti peruntukan \$500,000.00 pada Jun 1940. Pada Februari 1941, \$1,000,000.00 disumbangkan untuk tujuan pertahanan bersama tersebut. R.H.W. Reece, *The Name of Brooke*, hlm. 122.

⁸³ *Utusan ASAS*, 1 Januari 1948, hlm. 3.

UA mahu bumiputera sedar kesan penjajahan ke atas hak dan kepentingan mereka. Pendedahan ini penting kerana ia memberikan kefahaman tentang erti dan kesan penjajahan. Ia juga mendorong rakyat memahami perjuangan anti penyerahan. Ini dapat meluaskan lagi pengaruh dan sokongan bumiputera terhadap perjuangan anti penyerahan. Sebagai contohnya, *UA* mendedahkan nasib yang menimpa orang Melayu di Singapura. Ia adalah iktibar bagi bumiputera dan dapat menyedarkan mereka tentang kesan penjajahan. *UA* berkata :

Adakah raayat tahu apa yang terjadi kepada bumiputera di Colony Singapura? Mereka itu hidup terdesak dan miskin – miskin pada wang ringgit, hertabenda, pelajaran dan serba-serbinya. Bilangan mereka sudah terkalah lipat kali ganda oleh bangsa asing. Inilah Colony!⁸⁴

Penjajahan Sarawak juga mendorong *UA* mengimbau kembali amaran Charles Brooke. *UA* menyeru rakyat agar merenung semula kebenaran yang terkandung di sebaliknya. Charles Brooke dipetik sebagai berkata :

Sekarang adakah pernah terlintas dihati kamu bahwa apabila saya sudah meninggal dunia kelak orang2 lain datang menjelma dengan berkeadaan mulut manis dan muka tersenyum kerana hendak merebut akan hak pusaka kamu iaitu bumi tempat kamu diam?⁸⁵

⁸⁴ Ibid., hlm. 2.

⁸⁵ *Utusan ASAS*, 15 Januari 1948, hlm. 3.

Seterusnya, *UA* menerusi :

Sekarang, chobalah raayat menongkan: sudahkah sampai masanya apa yang dikata oleh Raja yang berdaulat itu berlaku? Pandanglah dan kemudiannya fikirkanlah!⁸⁶

Bagi *UA*, isu penjajahan British bukan isu remeh. Ia ditentang oleh sebahagian besar bumiputera Sarawak. Pihak luar juga bersimpati dengan penghapusan kemerdekaan Sarawak. Ia ditegaskan oleh *UA* dengan berkata :

PENJEJAHAN SARAWAK oleh Britain dalam abad ke-20 ini mendarat kegemparan kepada raayat Sarawak. Perkara ini telah pun tua menerbitkan perbahasan yang berapi2 dalam Parliament British, dan binchangan yang lebar dalam surat2 khabar. Pandangan dunia sedang terhala kepada apa yang sedang dan akan berlaku di Sarawak.⁸⁷

Bagi mengukuhkan pendiriannya, *UA* menyiaran rencana *Malaya Tribune*.⁸⁸ *UA* menganggap ia sebagai bukti simpati *Malaya Tribune* terhadap perjuangan anti penyerahan di Sarawak.⁸⁹ Anthony Brooke yang dijemput menyertai perjuangan anti penyerahan, menyatakan sokongannya kepada perjuangan menuntut kemerdekaan Sarawak dan anti penjajahan British.

⁸⁶ Ibid.

⁸⁷ *Utusan ASAS*, 1 Disember 1947, hlm. 2.

⁸⁸ *Utusan ASAS*, 15 Januari 1948, hlm. 2 ; 1 Februari 1948, hlm. 3-4 dan 1 Mei 1948, hlm. 1-4.

⁸⁹ W.A. Harpur (The *Malaya Tribune* Editor), “Anti-Cession Feelings : Population Wants Brooke”, “No Gestapo – But It’s Still Dangerous To Think”, “Sarawak : Cession Means More Taxes” dan “Politics In A Dayak Longhouse” dalam “The Truth About Sarawak”, (Reprint of series of articles appearing in the *Malaya Tribune*), hlm. 1-3.

UA menyiarkan surat dan kenyataan akhbar Anthony Brooke.⁹⁰ Misalnya, surat penghargaan Anthony Brooke berhubung demonstrasi yang diadakan oleh pejuang anti penyerahan pada 10 Oktober 1947.⁹¹ Ia diadakan sebagai memperingati hari lahir Anthony Brooke. *UA* mengulas isi kandungan surat Anthony Brooke dengan menegaskan, “beliau penoh perchaya bahwa Kerajaan Baginda pada akhirnya tentu akan memikir keputusannya yang ta’ democracy itu”. Seterusnya, Anthony Brooke dipetik sebagai berkata :

Demonstration² dan keramaian² yang diberikan telah diadakan dalam kota-kota yang besar dan dipasisir² pada tanggal 10 December ialah bokti yang terang menunjukkan perasaan raayat Sarawak menentang dasar penjajahan....⁹²

Pendirian *UA* turut mendapat sokongan pihak luar seperti Penyiasatan Himpunan Dasar Luar Amerika Syarikat.⁹³ Ia menyifatkan “Masoknya Sarawak ke dalam British Empire kelihatan sangat changgong” dan “nasib Sarawak itu belum lagi dikatakan muktamad”. Penjajahan British juga dikecam oleh *News of the World* sebagai “satu langkah British yang mundur untuk menamatkan kemerdekaan Sarawak”. *The Straits Times* pula

⁹⁰ *Utusan ASAS*, 15 Disember 1947, hlm. 1 ; 15 Januari 1948, hlm. 4 dan 1 Februari 1948, hlm. 4.

⁹¹ *Utusan ASAS*, 15 Disember 1947, hlm. 1.

⁹² *Ibid.*

⁹³ *Ibid.*

menyifatkan penjajahan Sarawak sebagai “ketinggalan [zaman] jika Sarawak dalam abad ke-20 telah dijatuhkan taraf daripada status merdeka kepada jajahan British”.⁹⁴

Sebagai reaksi terhadap penjajahan British, *UA* mendedahkan rasa tidak puas hatinya terhadap cukai⁹⁵ yang diluluskan oleh Majlis Negri pada 1947. *UA* menganggap cukai yang diluluskan oleh British menyusahkan rakyat. Ia bukan sekadar menyedarkan rakyat tentang kesan penjajahan, malah tamparan kepada golongan pro penyerahan pula. Bagi *UA*, British bukannya membela kehidupan rakyat. Tetapi, mengabaikan kepentingan dan kebijakan rakyat demi kepentingan kewangannya. Ini mendorong *UA* membidas janji British memperbaiki taraf hidup rakyat dengan menyediakan pelbagai kemudahan.

Katanya :

Bokti pengakuan2 itu [memperbaiki taraf hidup rakyat]
belum dapat dipandang dengan jelasnya atau dirasa dengan
sebenarnya. Tetapi raayat yang sudah pun merasai
kesusahan dan kesengsaraan yang amat sangat ditentang
kehidupannya itu sudah merasa sekarang bebanan yang
lebih berat lagi disebabkan chukai2 yang sudah dinaikkan

⁹⁴ Dipetik daripada Liang Kim Bang, *Sarawak 1941-1957*, hlm. 10.

⁹⁵ Sehingga 1949, ia merangkumi cukai import barang dagangan (tembakau, petroleum, gula, tepung, garam, susu, teh, kopi, ikan, sayur-sayuran, buah-buahan, pakaian, kain, alat muzik, kelengkapan sukan, peralatan elektrik, kayu, perabot, kelapa, damar, lada, sagu, getah), cukai kepala, cukai pintu, cukai estet dan cukai hiburan. Pelbagai lesen baru turut diperkenalkan seperti lesen perkilangan, lesen perumahan, lesen hotel, perniagaan, lesen hiburan, lesen gudang, lesen pasar, lesen makanan, lesen beca, lesen penjaja, lesen kedai kopi, lesen perniagaan emas, lesen kenderaan dan pengangkutan. Untuk butiran lanjut, rujuk J. P. Hepburn, *The Handbook of Sarawak*, Malaya Publishing House, Singapore, 1949, 105-118. *Sarawak Annual Report 1950*, Government Printing Office, Kuching, 1951, hlm. 16-24.

berganda2 lagi dan chukai2 yang baharu bagi barang2 keperluan hidup.⁹⁶

Seterusnya, *UA* menyatakan perasaan tidak puas hatinya terhadap cukai yang dikenakan oleh British :

SARAWAK harus telah mengetahui Undang2 baru yang telah disahkan dalam Council Negri tahun lepas [1947]. Fikiran Kuching, dan tidak shak pendudok Sarawak juga, telah tidak puas hati terhadap Kerajaan menjalankan dasar dan amal undang2 chukai tersebut, jika diperhatikan daripada sikap dan keadaan raayat Bagaimanapun, chukai sekarang menjadi makanan yang ta' sedap bagi fikiran.⁹⁷

UA menegaskan cukai yang dikenakan oleh British menyebabkan "raayat jelata adalah menderita paluan yang sehebat2nya". Bagi *UA*, hanya "Kerajaan dan penyukong2-nya itulah sahaja yang berpuashati".⁹⁸ *UA* tidak menafikan kepentingan cukai "bagi kemajuan, iktisad, masyarakat dan siasah Sarawak". Tetapi, "chukai2 di Sarawak di zaman baru ini, chukuplah sudah untok pengalaman pahit"⁹⁹ kesan penjajahan British.

Selain menentang penjajahan, pertubuhan anti penyerahan juga membantah cukai yang dikuatkuasakan oleh British. *UA* menyiarkan tali kawat bantahan pertubuhan anti penyerahan. Dengan menyiarkannya, *UA* dapat menyatakan pendirian mereka terhadap

⁹⁶ *Utusan ASAS*, 1 Januari 1948, hlm. 3.

⁹⁷ *Utusan ASAS*, 15 Februari 1948, hlm. 2.

⁹⁸ *Ibid.*

⁹⁹ *Ibid.*

penjajahan British. Ia juga memberikan gambaran sebenar isi hati golongan anti penyerahan di bawah pemerintahan British. Sebagai bantahan terhadap penjajahan British, PKMS menghantar tali kawat kepada Richard Attle Clement,¹⁰⁰ Perdana Menteri Britain pada 1 Julai 1947. Antaranya, PKMS menegaskan :

[B]ahwa perasaan rakyat jelata terhadap Tahta dan kemerdekaan Negara mereka dari masa ke masa semakin bertambah kuat. Semantara keamanan itu maseh lagi [terpelihara] maka mereka mendesak Kerajaan Baginda menunaikan maksud mereka iaitu mengembalikan tarap kemerdekaan mereka di bawah naungan Mahkota British.¹⁰¹

KIS pula menuntut :

[K]ami memuhun penyerahan yang haram itu dibatal dan kemerdekaan kami dikembalikan dibawah Raja yang kami pilih. Kami mahu keamanan dan kesantosaan. Ini tidak boleh didapati dibawah parintahan yang dipaksa ke atas kami berlawanan dengan kemahuan dan perasaan kami.¹⁰²

Kesempitan hidup yang dialami oleh rakyat menyebabkan UA menempelak British. British mendakwa ia membawa banyak kebaikan kepada rakyat Sarawak daripada

¹⁰⁰ Beliau lahir pada 1883 dan mendapat pendidikan dalam bidang undang-undang di Oxford University, London. Attle menyertai Parti Buruh pada 1908. Beliau berkhidmat sebagai Pensyarah Sains Sosial di London School of Economics pada 1913. Pada 1922-1950, Attle dipilih sebagai Ahli Parlimen (Limehouse). Beliau menjadi Perdana Menteri Britain pada 1945-1951. *The Hutchinson Dictionary of World History*, hlm. 42.

¹⁰¹ *Utusan ASAS*, 1 Disember 1947, hlm. 1.

¹⁰² Ibid.

Brooke.¹⁰³ Ia dilakukan oleh *UA* ekoran berita dua orang ketua Iban yang pergi ke Singapura “kerana merayu kepada Seventh Day Adventist Mission” agar pihak mubaligh dapat “membuat sekolah dan rumahsakit2 untuk anak2 kampong mereka”.¹⁰⁴ Bagi *UA*, ini menunjukkan :

[B]ajwa Kerajaan Sarawak belum dapat lagi hendak membuka sekolah2 dan rumahsakit2 untuk anak2 kampong mereka miskipun Kerajaan selalu bersuara hendak memajukan pelajaran, perubatan dan kesihatan dan perkhidematan raya.

Dua orang ketua ini ada juga menyebutkan bahwa tidak ada banyak perbedaan kepada mereka itu siapa yang memerentah negerinya. Mereka itu merasai sama kebebasan dan hak dibawah Tadbiran British yang ada sekarang.¹⁰⁵

Pengakuan itu juga digunakan oleh *UA* bagi mengecam sikap hipokrit British.¹⁰⁶ Bagi *UA*, peristiwa ini menunjukkan British dan Vyner Brooke tidak memberikan penjelasan

¹⁰³ Malcom MacDonald mengatakan, “cadangan penyerahan adalah untuk membangunkan sektor ekonomi, sosial dan politik Sarawak di samping untuk membawa kemakmur dan keamanan seperti mana tanah jajahan yang lain dalam empayar British”. Charles Vyner Brooke pula berkata, “Penyerahan Sarawak kepada British akan membawa rakyat Sarawak ke arah kesedaran dan kemakmur, kemajuan ekonomi dan pembangunan sosial”. Liang Kim Bang, *Sarawak 1941-1957*, hlm. 6-7.

¹⁰⁴ *Utusan ASAS*, 15 Mac 1948, hlm. 3.

¹⁰⁵ Ibid.

¹⁰⁶ Sikap hipokrit British juga dibidas oleh *Warta Negara* apabila Malaya Union tetap diisyiharkan walaupun ditentang hebat oleh orang Melayu. Tegasnya, “Segala bantahan orang Melayu tidak diendahkan, Malayan Union tetap wujud, seolah-olah kerajaan British tidak mengenal wujudnya bangsa Melayu”. *Warta Negara*, 3 April 1946. Dipetik daripada Ahmad Masjidin, “Malayan Union Dalam Ruangan Akhbar *Warta Negara*”, dalam *Malaysia Dari Segi Sejarah*, No. 8, April 1979, hlm. 40.

sebenar kepada bumiputera berhubung isu penyerahan Sarawak. Ini menyebabkan mereka terpengaruh dengan propaganda British. *UA* menegaskan :

Ini satu lagi bokti yang orang2 Dayak itu belum lagi mengerti serta tidak diberitahu oleh pihak yang bertanggongjawab dengan penyerahan Tanahayer mereka, ya'ni ditentang taraf mereka di masa ini. Perkara inilah sentiasa disembunyi oleh bekas Raja Sir Charles Vyner Brooke tadi dan Kerajaan yang ada sekarang.¹⁰⁷

UA juga membidas dasar penjajahan dan sikap degil British kerana enggan mengembalikan kemerdekaan Sarawak. *UA* menyifatkan “Negara Sarawak ini telahpun menjadi mangsa Imperialist dan Capitalist bagi julong2 kali kemudian daripada Perang Dunia Yang Ke-2”.¹⁰⁸ *UA* sedar British hanyalah berpura-pura terhadap “perjanjian2 dan ikatan2 yang mesti dihormat dan dipegang tegoh”. Ia hanya “dipandangkan [oleh British] sebagai kertas dan dakwat sahaja”.¹⁰⁹

UA yakin usaha British memujuk hati bumiputera agar menyokong penjajahannya tidak akan berjaya. Mereka juga menyedari kesan penjajahan dan putar belit British. Ini mengukuhkan lagi perjuangan menuntut kemerdekaan. Tegasnya :

Raayat Sarawak telah sedar dan insaf sebagaimana bangsa Timor yang lain juga. Mereka itu telah dan sedang bangkit membantah perbuatan penjajah terhadap Tanahayer mereka yang dichintai dan dijunjung tinggi, sunggohpun mereka itu

¹⁰⁷ *Utusan ASAS*, 15 Mac 1948, hlm. 3.

¹⁰⁸ *Utusan ASAS*, 1 Mei 1948, hlm. 2.

¹⁰⁹ *Ibid.*

terdesak dan tertinda[s] oleh kuasa penjajah yang sentiasa menda'ayahkan bermacam2 akuan untuk memikat hati raayat yang buta huruf dan yang belum lagi tahun dimana tarafnya sekarang, supaya dengan chara2 ini dapatlah kuasa penjajah itu mengukohkan chengkamannya di Sarawak ini.¹¹⁰

Oleh itu, *UA* mengingatkan :

Kerajaan British sesunggohnya senang menentang perasaan Raayat Sarawak, dan suara mereka senang dipermain dan dibutatulikan. Tetapi adakah difikirkan bahwa kesedaran dan perasaan mereka yang berkobar2 itu dapat dihapuskan. Dasar kedegilan British terhadap Sarawak itu tidak boleh jadi mengubahkan sikap perjuangan Raayat Sarawak dimasa yang akan datang. Tetapi sekarang mereka itu suka lagi hendak berhubong rapat dengan Kerajaan dan Raayat British dengan chara2 yang sudah terdapat kepada mereka semanjak seratus tahun yang lepas. Mereka itu sedar bahwa suatu bangsa sudah terujud di Kepulauan Tenggara Asia di zaman kesedaran ini.¹¹¹

Sepanjang dua tahun perjuangan anti penyerahan, harapan British untuk melihat perjuangan ini beransur-ansur pudar, tidak menjadi kenyataan. British pula bertindak balas dengan melancarkan propaganda dan kempen pro British. Ia dilancarkan di kalangan orang Melayu, Iban dan Cina. Namun, ia tidak mematahkan semangat perjuangan golongan anti penyerahan. Ini mendorong "A.B.C" mengingatkan mereka sambil menyeru :

¹¹⁰ Ibid.

¹¹¹ *Utusan ASAS*, 1 Mei 1948, hlm. 2.

Meskipun kebebasan kita, pertuanan kita dan kemerdekaan kita berada dalam bahaya, bahwa raayat jelata dengan pertubuhan2 mereka mesti berjuang terus tetap menuntut peri keadilan dan mengambilikan hak pusaka suchi kita bersama.¹¹²

Ia disokong oleh “MELSAN”. Beliau menambah kata :

Kalau hari ini kita sanggup jadi satu bangsa yang terjejah bermaana kita telah menchampak diri kedalam lubok kehinaan dan kerugian, lebeh2 lagi sebab terserah dan bukan tertewas. Kalau Sarawak dijadikan sebuah Colony, Sarawak akan dibuka, diperbaiki, dibangun dan dibesar. Sangat betol! Tetapi adakah untok bumiputera sahaja? Barang mustahil! Jangan2 bumiputera Sarawak akan jadi tukang putar bumi dalam kebun2 tuan2 penjejah dan sukusakat2-nya.¹¹³

Tegasnya lagi :

Kalau kita terjejah hari ini, bilakah boleh menuntut kemerdekaan kita kembali – seratus, dua, boleh jadi tiga ratus tahun atau lebeh? Dengan sebab2 yang tersebut maka tentulah wajib kita umat Sarawak menebus kemerdekaan kita yang sedang tergigit, tetapi belum lagi ditelan ... Dari situ kita juga berpendapat bahwa kesantusaan dan kemakmuran kita ada pada dunia kita sendiri.¹¹⁴

¹¹² *Utusan ASAS*, 1 Januari 1948, hlm. 2.

¹¹³ *Utusan ASAS*, 15 Februari 1948, hlm. 3.

¹¹⁴ *Ibid.* hlm. 3.

Semangat perjuangan dan peringatan “MELSAN” turut disokong oleh *UA* :

Raayat Sarawak dengan menerusi pertubuhan2 mereka telah menerangkan bertalu2 yang mereka itu tidak mahu kemerdekaan mereka terhapus, dan mereka mesti menuntut kembali akan kemerdekaan mereka dibawah pemerintahan Brooke dan Naongan British. Kemahuan dan perasaan ini telah pun disaksikan¹¹⁵

Untuk memperkuuhkan semangat perjuangan anti penyerahan, Johari Anang, Setiausaha Agung PKMS, turut mengingatkan :

Raayat2 Bumiputera yang membengkang penyerahan dan meminta kembalikan kemerdekaan jangan sekali2 takut dan gentar diatas apa jua perbuatan menindih2 atau menekan2, dari kerana kebenaran ada kepada kita. Akan tetapi, hendaklah sabar sebagai biasa. Maka dari kasabaran itu kita akan beroleh pembalasan baik.¹¹⁶

Penjajahan British ditentang oleh golongan anti penyerahan atas kesedaran menuntut kemerdekaan tanah airnya. *UA* menegaskan golongan anti penyerahan mencintai keamanan dan patuh kepada undang-undang. *UA* menolak kekerasan sebagai dasar perjuangan pertubuhan anti penyerahan. *UA* juga yakin isu penyerahan dapat diselesaikan dengan jalan perundangan. Kritikan dan kecaman *UA* terhadap penjajahan British pula jelas memperlihatkan sikap anti penjajahannya.

¹¹⁵ *Utusan ASAS*, 1 Mac 1948, hlm. 2.

¹¹⁶ *Utusan ASAS*, 1 April 1948, hlm. 4.

Penahanan Anthony Brooke

Pada 17 November 1946, Datu Patinggi Abang Haji Abdillah mengutus surat kepada Anthony Brooke. Beliau menyatakan keinginannya untuk menemui Anthony Brooke di Sarawak. Pertemuan ini diharapkan dapat menguatkan perjuangan mereka dan mendengar suara hati Anthony Brooke berhubung isu penyerahan. Ia tidak dapat dilangsungkan kerana dua faktor. Pertama, Datu Patinggi Abang Haji Abdillah meninggal dunia pada 24 November 1946. Kedua, Arden Clarke menyekat kemasukan Anthony Brooke ke Sarawak.¹¹⁷ Tindakan Arden Clarke dibantah oleh golongan anti penyerahan.

UA membangkitkan isu penahanan Anthony Brooke atas dua kepentingan. Pertama, penglibatan Anthony Brooke dalam perjuangan anti penyerahan memperkuatkan semangat perjuangan golongan anti penyerahan. Kedua, tanpa sokongan Anthony Brooke, tuntutan mereka untuk kembali di bawah pemerintahan Brooke pastinya sia-sia.

Dalam konteks ini, *UA* memainkan lima peranan utama. Pertama, *UA* menjelaskan pendirian golongan anti penyerahan. Kedua, *UA* membidas pernyataan British dan mempertahankan hak Anthony Brooke. Ketiga, *UA* menyuarakan reaksi golongan anti penyerahan terhadap sekatan ke atas Anthony Brooke. Keempat, *UA* menyiaran petikan akhbar dan perbahasan Parlimen Britian yang menentang sekatan terhadap Anthony

¹¹⁷ Untuk perbincangan lanjut, rujuk R.H.W. Reece, *The Name of Brooke*, hlm. 264-267. Sanib Said, *Malay Politics in Sarawak*, hlm. 48-54. Mohammad Hasbie Sulaiman, *Perjuangan Anti-Cession Sarawak*, hlm. 96-98

Brooke. Kelima, *UA* memaparkan usaha golongan anti penyerahan membela Anthony Brooke.

Pada dasarnya, Arden Clarke menyekat kemasukan Anthony Brooke ke Sarawak kerana “dikhawatirkan barangkali apabila beliau pergi ke negri itu, asutan2 membangkang pembangkang yang diakui pada masa ini oleh pehak kerajaan sudah mati, akan hidup semula”.¹¹⁸ Sekatan itu tetap dikekalkan “melainkan Tuan Anthony Brooke tidak akan mengambil bahagian dalam masaelah penyerahan”.¹¹⁹ Alasan ini digunakan oleh Arden Clarke untuk mengelakkan kritikan terhadapnya.

Arden Clarke sedar kedatangan Anthony Brooke akan menyemarakkan lagi semangat golongan anti penyerahan. Sekatan terhadapnya merupakan jalan terbaik membendung pengaruh golongan anti penyerahan. Arden Clarke menggunakan alasan mengekalkan keamanan negeri. Bagi *UA*, tujuan sebenar Arden Clarke menyekat kemasukan Anthony Brooke ialah untuk “menyembunyikan apa yang sebenarnya kemahuan dan perasaan bumiputera selurohnya”. Sebaliknya, ia “bukan buat menjaoahkan huru-hara atau kachau-belau yang dikata2 oleh pehak yang berkuasa”.¹²⁰

¹¹⁸ *Utusan ASAS*, 1 Februari 1948, hlm. 2.

¹¹⁹ *Utusan ASAS*, 15 Januari 1948, hlm. 3.

¹²⁰ *Utusan ASAS*, 1 Disember 1947, hlm. 2.

UA menegaskan tidak ada sebab Arden Clarke perlu menyekat kemasukan Anthony Brooke ke Sarawak. *UA* menyandarkan hujahnya dengan tiga asas. Pertama, *UA* menegaskan “pehak raayat anti-cessionist sedia memberikan jaminan bahawa tidak ada sebarang huruhara akan terjadi apabila Tuan Anthony Brooke, Raja Muda Sarawak berada di Sarawak.”¹²¹ Kedua, “pembangkang serahan chukup sedar bahwa apabila Tuan Anthony Brooke pergi ke Sarawak dan membuat huruhara, perjuangan mereka itu [akan] tetap terkechiwa”.¹²² Ketiga, *UA* menjelaskan :

Kerajaan British tidak dapat menafikan bahwa raayat Sarawak ialah suatu bangsa yang chintakan keamanan dan damai, dan sepanjang2 perjuangan mereka menuntut kemerdekaan itu tidaklah pernah terkeluar dari batas yang boleh membayangkan bangkit [kekacauan] seperti yang dikata2 oleh pehak Kerajaan British.¹²³

Bagi *UA*, kekerasan bukan cara yang diterima oleh golongan anti penyerahan. Menurut *UA* lagi, ini terbukti benar kerana “sudah pun selama dua tahun mereka itu menjalankan langkah-langkah yang berterib bagai membantah penyerahan itu”.¹²⁴ British tidak perlu meragui tindak-tanduk golongan anti penyerahan. Namun, British enggan melayani desakan *UA*. Ini menyebabkan *UA* menyifatkan nasib yang menimpa Anthony Brooke sebagai “luar biasa di seluroh Empire British”.¹²⁵

¹²¹ *Utusan ASAS*, 1 Mac 1948, hlm. 2.

¹²² *Utusan ASAS*, 1 Februari 1948, hlm. 3.

¹²³ *Utusan ASAS*, 1 Mac 1948, hlm. 2.

¹²⁴ *Utusan ASAS*, 1 Februari 1948, hlm. 2.

¹²⁵ Ibid.

Bagi golongan anti penyerahan, terdapat dua faktor penting mereka menyokong kemasukan Anthony Brooke ke Sarawak. Pertama, agar “dapatlah beliau menyaksikan dengan sendirinya akan kemahuan dan perasaan mereka [bumiputera] itu yang sebenarnya”.¹²⁶ Kedua, ia membolehkan Anthony Brooke “menentukan dengan mata kepalanya sendiri bagaimana penyerahan itu disifatkan oleh raayat”.¹²⁷

UA membantah sekatan terhadap Anthony Brooke kerana ia juga bertentangan dengan hak asasi. *UA* menyelar British lantaran tidak berlaku adil terhadap Anthony Brooke. Anthony Brooke adalah warganegara British. Beliau berhak dan bebas masuk di tanah jajahan British. Lebih-lebih lagi, Anthony Brooke adalah bakal pewaris takhta yang sah. Selain mencabuli hak asasnya, sekatan itu juga bertentangan dengan prinsip demokrasi. Ini menyebabkan *UA* mengecam British dengan berkata :

[K]erajaan British enggan mengubah dasarnya ditentang ini dengan alasan kehadiran Anthony Brooke dalam Sarawak boleh membawa kepada penderhakaan di antara penduduk2 yang berperasaan berapi2, sunggohpun perbuatan itu dianggapkan sebagai perbuatan yang bengis dan mencabol hak kebebasan seorang raayat.¹²⁸

Perkara asas yang dipertikaikan oleh *UA* ialah punca sekatan terhadap Anthony Brooke. *UA* berpendapat alasan untuk mengekalkan keamanan tidak kukuh. Anthony Brooke

¹²⁶ *Utusan ASAS*, 1 Mac 1948, hlm. 2.

¹²⁷ *Utusan ASAS*, 15 Januari 1948, hlm. 3. Dipetik dan diterjemahkan daripada *Malaya Tribune*, 20 Disember 1947.

¹²⁸ *Utusan ASAS*, 1 Mac 1948, hlm. 2.

tidak melakukan perkara yang bertentangan dengan undang-undang. Beliau juga bukan penjenayah. Tetapi, kebebasan Anthony Brooke disekat. Ini dipersoalkan oleh *UA* :

Sarawak sekarang adalah menjadi sebahagian daripada Empire British. Tuan Brooke ialah rayaat British. Siapa yang tiada dituduhkan melakukan sebarang kesalahan tetapi beliau tidak dibenar masok.¹²⁹

Sekatan terhadap Anthony Brooke membuktikan British menggunakan kekerasan untuk melemahkan perjuangan anti penyerahan. Menurut *UA*, British menyembunyikannya untuk mengaburi mata rakyat supaya ia “terlelap di dalam fikiran orang ramai”.¹³⁰ Ini mengheret *UA* menyelar British kerana “sikapnya yang bertujuan khianat”.¹³¹

UA juga menyifatkan sekatan terhadap Anthony Brooke sebagai “suatu kechabolan yang mengelirukan dalam perjalanan keadilan”.¹³² Ia menyebabkan “udara Sarawak keroh selama ini”.¹³³ Lantaran itu, *UA* mengecam British dengan berkata :

Keangganan Kerajaan British membenarkan masok seorang rayaat British ke suatu jejahan British yang tiada ada berbuat salah adalah dengan sendirinya chukup burok. Kerajaan berhak pada undang2 begitu mengenggangkan

¹²⁹ *Utusan ASAS*, 1 Februari 1948, hlm. 2.

¹³⁰ Ibid.

¹³¹ Ibid.

¹³² Ibid., hlm. 4.

¹³³ *Utusan ASAS*, 1 Januari 1948, hlm. 2.

kemasokkan itu hanya menambah keburokkan suasana itu.¹³⁴

Isu sekatan terhadap Anthony Brooke juga menjadi isu penting dalam Parlimen Britain.¹³⁵ Ia turut menarik minat pengarang *Malaya Tribune* untuk meninjau reaksi sebenar rakyat Sarawak.¹³⁶ Ini kerana ia “menghalangi perjalanan [keadilan]” yang bercanggah dengan pihak yang “menghergakan keadilan”.¹³⁷

Simpati pihak luar terhadap Anthony Brooke,¹³⁸ merupakan sokongan moral kepadanya dan golongan anti penyerahan. Isu penahanan Anthony Brooke bukan sekadar isu tempatan sahaja. Ia mempunyai asasnya tersendiri seperti yang ditegaskan oleh UA :

Sungguh adalah menjadi suatu perkara yang memberi terperanjat jika masaelah yang ada ini tidak menjadi pusat bidasan dan perbinchanan terutamanya dari gulongan2 yang terang tiada bersetuju dengan Britain dan Dasar Britain.¹³⁹

¹³⁴ *Utusan ASAS*, 1 Mei 1948, hlm. 1. Dipetik dan diterjemahkan daripada *Malaya Tribune*, 19 April 1948.

¹³⁵ R.H.W. Reece, *The Name of Brooke*, hlm. 226.

¹³⁶ *Utusan ASAS*, 1 Mei 1948, hlm. 4. W.A. Harpur (The *Malaya Tribune* Editor), “Anti-Cession Feelings : Population Wants Brooke” dan “No Gestapo – But It’s Still Dangerous To Think”, dalam “The Truth About Sarawak”, (Reprint of series of articles appearing in the *Malaya Tribune*), hlm. 1-3.

¹³⁷ *Utusan ASAS*, 1 Mei 1948, hlm. 4.

¹³⁸ Antara akhbar luar negeri yang turut memperkatakan isu penyerahan ialah *Utusan Melayu*, *Malaya Tribune*, *The Times*, *The Daily Telegraph*, *Yorkshire Post*, *New Statement and Nation*, *Manchester Guardian*, *The Sunday Times*, *Malay Mail*, *Daily Mail* dan *The Straits Times*. R.H.W Reece, *The Name of Brooke*, hlm. 240-245

UA juga menyiaran kenyataan akhbar Kathlen Brooke di Singapura. Sebelum itu, beliau mengadakan lawatan ke Sarawak pada akhir 1947 hingga Februari 1948.¹⁴⁰ Kathlen Brooke ditemani oleh Haji Suut Tahir dan Lily Eberwein. Mereka berkempen selama dua bulan di sekitar Kuching, Simanggang, Sibu dan Rejang. Beliau dipetik sebagai berkata :

Pendudok di sana semuanya meminta supaya kelorga Brooke balek ke Sarawak. Mereka ta' mengerti kenapa Tuan Anthony Brooke ditegah masuk ke Sarawak dan juga mengapa pergerakkan2 isterinya di Sarawak adalah dihadkan. Semua orang disana sedang menunggu hari yang besar untuk menuahkan semula kerajaan mereka.¹⁴¹

Ia sebagai pembelaannya terhadap Anthony Brooke dan sokongannya kepada perjuangan anti penyerahan juga. *UA*, ketika mengulas kenyataan akhbar Kathlen Brooke, menegaskan “di-mana2 sahaja beliau pergi pendudok disana telah menyambutnya dengan hati yang ikhlas dan riang – rakyat Sarawak masih mahukan pemerintahan Brooke dan sokong Brooke kembali memerintah Sarawak”.¹⁴²

Perbahasan di Parlimen Britain berhubung isu penahanan Anthony Brooke turut diberikan reaksi langsung oleh *UA*. *UA* memetik inti pati perbahasan sebagai bukti perjuangan anti penyerahan turut diberikan perhatian oleh pihak luar. David Maxwell

¹³⁹ *Utusan ASAS*, 15 Januari 1948, hlm. 3. Dipetik dan diterjemahkan daripada *Malaya Tribune*, 20 Disember 1947.

¹⁴⁰ *Utusan ASAS*, 1 Disember 1947, hlm. 1 dan 1 Mac 1948, hlm. 1.

¹⁴¹ *Utusan ASAS*, 1 Mac 1948, hlm. 4.

¹⁴² Ibid.

Fyfe (dari Parti Konservatif) bercadang mengemukakan saman malu terhadap kerajaan (pimpinan Parti Buruh) kerana sekatan berterusan terhadap Anthony Brooke. Daniel West yang mewakili Parti Buruh pula menganggap cadangan Fyfe sebagai :

[S]uatu daleh yang enak dan suatu helah yang bijak supaya dia [Anthony Brooke] boleh masok ke negri itu menghasilkan maksudnya yang tersebunyi yang diusahakannya hendak dudok menjadi Raja Sarawak.¹⁴³

Fife juga mengecam tindakan British melanjutkan penahanan Anthony Brooke ke Sarawak. Beliau menyifatkan tindakan British sebagai “bukan sahaja menchabolkan kebebasan sesaorang raayat tetapi pula menyangkalkan keadilan”.¹⁴⁴ UA juga membidas Daniel West dengan berkata :

Bagaimanapun pehak kerajaan berazam bahwa Tuan Anthony Brooke hendaknya tiada dibenarkan masok ke Sarawak, dan sebarang daleh, meskipun dusta, adalah lebeh baik daripada tiada.¹⁴⁵

D.W. Rees pula menegaskan British tidak akan menarik balik sekatan terhadap Anthony Brooke. Beliau juga menyatakan British tidak akan membenarkan kes ini dibicarakan dalam mahkamah Sarawak. Ini kerana “belum [ada] sebab2 yang memuaskan pihak

¹⁴³ *Utusan ASAS*, 1 Mac 1948, hlm. 4.

¹⁴⁴ *Ibid.*, hlm. 3.

¹⁴⁵ *Utusan ASAS*, 1 Mei 1948, hlm. 4.

kerajaan sekalipun ia adalah perkara yang menyangkal keadilan dan kebebasan".¹⁴⁶

Pernyataan ini disifatkan oleh *UA* sebagai "kenyataan mengelak dan degil".¹⁴⁷

UA juga menyifatkan alasan tersebut sebagai "cherita lama yang sudah lapok".¹⁴⁸

Seterusnya, *UA* mengingatkan :

Rakyat selalu mendengar propaganda mengatakan penyerahan Sarawak ta' dapat diungkit2 lagi, dan DYMM Raja Muda ta' dapat masuk ke Sarawak. Rakyat tentu tahu propaganda memakai mulut itu selalu bohong.¹⁴⁹

UA turut menafikan dakwaan Rees yang mengatakan Anthony Brooke "mengaku2 akan takhta Sarawak". Bagi *UA*, takhta kerajaan sememangnya hak Anthony Brooke menurut wasiat Raja, sumpah pertabalan Raja dan perlembagaan negeri.¹⁵⁰ Oleh itu, tidak timbul soal meminta-minta takhta Sarawak seperti yang didakwanya. Bagi *UA*, dakwaan ini hanyalah untuk memburuk-burukkan imej Anthony Brooke.

UA menyelar sikap British yang tidak menjelaskan hakikat isu penahanan Anthony Brooke. British menyifatkan isu tersebut tidak timbul lagi kerana penentangan golongan anti penyerahan hanyalah "untuk melancarkan propaganda [anti British] dan

¹⁴⁶ Ibid.

¹⁴⁷ Ibid.

¹⁴⁸ *Utusan ASAS*, 1 Mac 1948, hlm. 3.

¹⁴⁹ *Utusan ASAS*, 1 Disember 1947, hlm. 2.

¹⁵⁰ Ibid.

menimbulkan keraguan”¹⁵¹ terhadap pemerintahan British. *UA* juga bimbang sikap rakyat dan pihak luar dipengaruhi oleh sumber British semata-mata. *UA* pula menegaskan “perbincangan Penyerahan Sarawak dan larangan ke atas Anthony Brooke, Raja Muda Sarawak, adalah bertambah2 tegang dalam Parliament British dan surat2-khabar”.¹⁵²

UA menolak dakwaan Rees yang mengatakan, “sebahagian daripada rakyat berkehendak Brooke sebagai Raja yang ke-4” dengan cara “bukan menurut undang2 tetapi membuat huru-hara yang akan menyusah kerajaan Baginda King”.¹⁵³ Ia disanggah oleh *UA* dengan tegasnya :

Nampaknya sunggoh benar perkara Sarawak ini telah membangkit fikiran Raayat di Britain dan America ; tetapi fikiran mereka ta’kan boleh terbangkit oleh perkara2 yang tidak benar. Lainnya, jika ada fikiran yang menunjukkan Raja Muda itu bukan bertujuan menurut undang2 tetapi membuat huruhara maka ta’dapat tiada beliau itu boleh dida’awa sebagai seorang salah.¹⁵⁴

Rees menegaskan, “Kerajaan Baginda telah dinasihatkan bahwa khadziran Anthony Brooke di Sarawak boleh menyebab bangkitan derhaka diantara penduduk2 yang amat berapi2 perasaannya”.¹⁵⁵ Dakwaan ini juga dinafikan oleh *UA* :

¹⁵¹ Dipetik daripada Sanib Said, *Malay Politics in Sarawak 1946-1966*, hlm. 52.

¹⁵² *Utusan ASAS*, 1 Mac 1948, hlm. 2.

¹⁵³ *Ibid.*, hlm. 3.

¹⁵⁴ *Ibid.*

¹⁵⁵ *Ibid.*

Dunia sudah mengetahui bahwa raayat Sarawak ialah suatu bangsa yang chintakan keamanan dan damai. Maka dengan tabi'at Raayat Sarawak yang sudah terkenal itu bahwa tuduhan itu tidak ada tempatnya di bumi Sarawak.¹⁵⁶

Malcom MacDonald pula mengatakan “bantahan kepada penyerahan [dan penahanan Anthony Brooke] adalah terhad kepada sebilangan kecil dari suatu puak [orang Melayu] dari pendudoknya”. Sarawak juga dikatakan “akan lebih baik dibawah pemerintahan penjajah daripada dibawah pemerintahan Brooke”.¹⁵⁷ Ia disanggah oleh *UA* berdasarkan dua hujah.

Pertama,

Sekiranya benar bahwa bantahan itu terhad kepada sebilangan kecil daripada puak Melayu maka adalah sangat2 payah hendak diartikan kenapa kerajaan harus takut akan pemberontakan sekiranya Tuan Anthony Brooke dibenarkan melawat negri itu.¹⁵⁸

Kedua,

Penduduk Sarawak ada lebih sedikit lebih setengah juta, diantara mana terkurang dari 18% ialah orang Melayu. Suatu pemberontakan oleh satu puak kecil dari penduduk yang sekian kecil nampaknya sangat2 mustahil.¹⁵⁹

UA bukan sekadar menjadi pengkritik British. *UA* juga mengemukakan cadangan untuk menyelesaikan isu sekatan terhadap Anthony Brooke. *UA* berharap ia dapat meredakan

¹⁵⁶ Ibid.

¹⁵⁷ *Utusan ASAS*, 1 Mei 1948, hlm. 4.

¹⁵⁸ Ibid.

¹⁵⁹ Ibid.

ketegangan hubungan antara British dengan golongan anti penyerahan. *UA* menegaskan sekatan itu perlu dihapuskan. Jika tidak, “ bantahan2 akan dikemukakan dalam Sarawak, dan asutan, sama ada penting atau tidak, akan berpanjangan.¹⁶⁰

Cadangan pertama ialah merombakkan larangan yang dikenakan ke atas Anthony Brooke. Bagi *UA*, jika benar momokan British Anthony Brooke “sedang mengejarkan satu perkara tiada memberikan hasil”, *UA* mencabar British menghapuskan sekatan terhadap Anthony Brooke. Selepas itu, “haruslah beliau [Anthony Brooke] menjalankan urusan lain2 yang sesuai dengan kebolehan dan umurnya”.¹⁶¹

Cadangan kedua ialah “membenarkan Tuan Anthony Brooke itu menemani Lord Listowel, Menteri Negara Hal Ehwal Tanah Jajahan, yang harus akan melawat ke Sarawak dalam bulan [Mac]”. Dengan mengiringi lawatan Listowel nanti, ini memberikan peluang kepada Anthony Brooke untuk “mengetahui kemahuan dan perasaan raayat Sarawak yang sebenarnya”.¹⁶²

Jika diperhalusi cadangan ini, jelas ia merupakan suatu pujaan agar British menghapuskan sekatan terhadap Anthony Brooke. Tetapi, ia tetap tidak diendahkan oleh British. Ini mendorong *UA* mempersoalkan :

¹⁶⁰ Ibid., hlm. 2.

¹⁶¹ *Utusan ASAS*, 1 Februari 1948, hlm. 2.

¹⁶² *Utusan ASAS*, 1 Mac 1948, hlm. 2.

[N]ampaknya sangat hairan sebab tidak ada suatu usaha pun yang dibuatkan oleh kerajaan [British] bagi menchari satu penyelesaian yang memuaskan hati, supaya kedudukan Colony itu terpelihara dengan apa juga jalan yang patut kepada kerajaan Baginda King.¹⁶³

Ujarnya lagi :

Orang yang tidak mengetahui sama sekali berkenaan dengan masaelah ini atau siapa2 yang berfikir bahwa Sarawak terlebih elok dibawah Kerajaan British, di waktu itu juga datanglah perasaan timbangrasanya kepada TB [sic] kerana kesukaran yang dirasai oleh beliau. Kesukaran terbitnya oleh kerana beliau [Anthony Brooke] menjalankan satu perkara yang sangat2 diperchayainya [menentang penjajahan dan penyerahan Sarawak].¹⁶⁴

Seterusnya, *UA* menggesa British menyelesaikan pertentangan antara British dengan Anthony Brooke. *UA* menegaskan :

[A]nthony Brooke sendiri, boleh jadi, yang utama membantah chadangan2 yang semacham itu, tetapi didalam pemandangan kita patutlah dijalankan apa jua langkah2 supaya menghilangkan perasaan yang sedang berjadian menyangkakan Kerajaan British menggunakan sikap kekerasan dan kedegilan.¹⁶⁵

UA menegaskan, “raayat sudah chukup tahu dan chukup sedar bahwa perkara ini telah menerbitkan perbinchangan yang panjang lebar dalam surat2-khabar dan Parliament”. Tetapi, pihak Pejabat Tanah Jajahan “tidak dapat memberikan jawapan2 yang

¹⁶³ *Utusan ASAS*, 1 Februari 1948, hlm. 3.

¹⁶⁴ Ibid., hlm. 2.

¹⁶⁵ Ibid.

memuaskan hati orang ramai".¹⁶⁶ Akibat daripada kritikan berterusan khususnya dalam Parlimen Britain, A. Creech-Jones, Setiausaha Pejabat Tanah Jajahan¹⁶⁷ memberikan jaminan untuk "berunding dengan kerajaan2 Malaya dan Sarawak berkenaan dengan semua perkara bagi masa yang akan datang buat Anthony Brooke".¹⁶⁸ Namun, ia tidak mengubah keputusan Arden Clarke.

British tidak mengubah keputusannya meskipun UA memberikan cadangan untuk menyelesaiannya. British sedar kedatangan Anthony Brooke ke Sarawak memperkuuhkan sokongan bumiputera terhadap perjuangan anti penyerahan. British hanya mempunyai dua proksi pertubuhan anti penyerahan iaitu PMM dan PI. Ia tidak mampu menyaingi gerakan dan pertubuhan anti penyerahan. Ini menyebabkan British mengekalkan sekatan terhadap Anthony Brooke hingga 16 September 1963.¹⁶⁹

¹⁶⁶ Ibid.

¹⁶⁷ Beliau lahir pada 1891. Creech mendapat pendidikan di Whitehall Boys' School, Bristol. Beliau terpilih sebagai Ahli Parlimen (Parti Buruh Britain) pada 1935-1950 dan 1954-1964. Pada 1940-1945, Creech berkhidmat sebagai Setiausaha Parlimen Kementerian Buruh dan Perkhidmatan Awam Britain. Beliau dilantik sebagai Setiausaha Pejabat Tanah Jajahan mulai 7 Oktober 1946 menggantikan G.H. Hall. A.J. Stockwell, *British Policy And Malay Politics During The Malayan Union Experiment 1942-1948*, hlm. 197. R.H.W. Reece, *The Name of Brooke*, hlm. 97.

¹⁶⁸ *Utusan ASAS*, 1 Februari 1948, hlm. 3.

¹⁶⁹ R.H.W Reece, *The Name of Brooke*, hlm. 265.

Lawatan Listowel

Lawatan Listowel, Menteri Hal Ehwal Tanah Jajahan Britain ke Sarawak diberikan perhatian khusus oleh *UA*. Ia diterbitkan dalam tiga keluaran berturut-turut iaitu Bilangan Ke-10, 11 dan 12. Ini tidak termasuk satu keluaran khas. Lawatan Listowel penting kerana ia memberi peluang kepada golongan anti penyerahan untuk bersemuka dengannya. Pejuang anti penyerahan juga dapat membuktikan hakikat penentangan bumiputera terhadap penyerahan Sarawak. *UA* berperanan merakamkan reaksi kedua-dua pihak untuk pengetahuan umum.

Menurut *UA*, lawatan Listowel bertujuan “menchari maalumat terus terhadap masaelah [penyerahan] yang mengenai raayat di Sarawak”.¹⁷⁰ Listowel dijangka tiba di Kuching pada 8 Mac 1948. Selepas mengadakan lawatan ke Sarawak, Listowel meneruskan perjalanannya ke Brunei, Sabah dan Hong Kong.

Pada 8 Mac 1948, Listowel tiba di Kuching. *UA* melaporkan kedatangan Listowel. Kedatangannya disambut dengan demonstrasi anti penyerahan pada pada petang itu juga. Ribuan golongan anti penyerahan mengambil bahagian dalam demonstrasi tersebut. Beratus-ratus poster dan placat, “Penjejahan Tidak Dikehendaki Di Sarawak”, “Kita Merayu Kepada King Membatalkan Penyerahan”, “Penyerahan Sarawak Haram”,

¹⁷⁰ *Utusan ASAS*, 1 Mac 1948, hlm. 4.

“Panjang Asia [Usia] Perintahan Brooke” dan “Kita Mahu Kemerdekaan Kita Dibawah Perintahan Brooke Dikambalikan” dipaparkan.¹⁷¹

Di kampung-kampung Melayu¹⁷² khususnya di Kuching, bendera dan poster anti penyerahan juga dikibarkan. Menurut *UA*, “placat2 dan poster2 yang semacham itu ada dipertunjokkan di pasisir2 lain di Sarawak selama tiga hari berturut2”.¹⁷³

Lawatan Listowell dan demonstrasi anti penyerahan turut menarik perhatian *UA*. Sebagai reaksi, *UA* mengulas :

Sarawak dalam minggu ini adalah banyak menyaksikan lagi suatu peristiwa yang mengambarkan riwayat dalam sejarahnya manakala Listowel, Menteri Negara Bagi Halekhal Tanah2 Jejahan British melawat bagi pertama kalinya dikota ini untuk mengambil pemandangan dengan mata kepalanya sendiri tentang keadaan dan masaelah Sarawak ... kita penoh perchaya bahwa pemandangannya

¹⁷¹ Di Tanah Melayu, sepanduk anti Malayan Union juga jelas memperlihatkan kesedaran anti kolonial. Antaranya, “Runtuhkan Malayan Union”, “Panjangkan Usia Orang-Orang Melayu”, “Orang Melayu Berkehendakan Keamanan dan Keselamatan”, “Hidup Melayu”, “Peliharalah Hak Melayu”, British Pecah Amanah” dan “Kita Tidak Boleh Percaya Lagi Kepada Inggeris”. Ia dipaparkan sempena kedatangan misi peninjauan Gammans-Rees pada Mei 1946. Ahmad Masjidin, “Malayan Union Dalam Ruangan Akhbar Warta Negara”, hlm. 43. Ibrahim Mahmood, *Sejarah Perjuangan Bangsa Melayu*, hlm. 66.

¹⁷² Antaranya Kampung Patingan, Kampung Masjid, Kampung No. 2, Kampung No. 3, Kampung No. 4, Kampung No. 5, Kampung No. 6, Kampung Muda Hashim, Kampung Bintangor, Kampung Satok, Kampung Parit Lama, Kampung Sungai Bedil, Kampung Tanjong, Kampung Tupong, Kampung Astana, Kampung Panglima Seman, Kampung Lintang dan Kampung Surabaya.

¹⁷³ *Utusan ASAS*, 10 Mac 1948, hlm. 1.

yang adil itu harus akan mengubahkan dasar Kerajaan British terhadap Sarawak.¹⁷⁴

Seterusnya, *UA* menegaskan :

[K]ita bersama2 dengan raayat Sarawak tidak menampak ada faedahnya bagi sebuah Negara Merdeka yang telah diakui dunia terutamanya Britain siapa yang kemudiannya sanggup pula memeleharakan kemerdekaannya dari serangan luar, dijadikan sebuah Tanah Jejahan Taalok British, kerana dasar penjejahan tersebut adalah ditentang keras oleh raayat Sarawak sendiri. Suatu daripada bokti2-nya ialah demonstration yang paling besar telah diadakan pada 8 haribulan ini [Mac].¹⁷⁵

UA menegaskan golongan anti penyerahan bangkit atas kesedaran yang jelas. Mereka sedar penjajahan bukan untuk kepentingan bumiputera, tetapi untuk kepentingan penjajahan. *UA* juga yakin perjuangan menuntut kemerdekaan akan berjaya. Ia mempunyai asasnya tersendiri kerana :

Raayat Sarawak chukup sedar putarbelit dalam diplomacy. Kita mengaku bahwa British memang tidak ada tolok bandingnya dalam diplomacy. Tetapi diplomacy yang berdasar diatas perkara yang tidak benar itu tetap, pada akhirnya, akan ketara dan tertewas.¹⁷⁶

¹⁷⁴ Ibid., hlm. 2.

¹⁷⁵ Ibid.

¹⁷⁶ Ibid.

Kepada Listowel pula, *UA* mengingatkan :

Listowel sendiri harus insaf jika dasar penjejahan British di Sarawak sekarang tidak lekas dihapuskan, akibatnya akan menchemarkan Sejarah Bangsa British dan membenamkan ketulusan Bangsa British pada memberi kemerdekaan kepada India, Pakistan, Burma dan Ceylon [Sri Lanka].

Bawa hendaklah Listowel, Menteri Negara Bagi Halekhwal Tanah2 Jejahan British menasihatkan Kerajaan British supaya selekas2-nya menghasilkan kehendak anak negri Sarawak pada membatakan penyerahan yang haram itu, dan mengembalikan Sarawak sebagai sebuah negara Yang Merdeka di dalam lingkongan Commonwealth British di bawah perlembagaan Raja Brooke.¹⁷⁷

Dalam laporannya pada 9 Mac, wakil PKMS, SDA, ASAS dan BPS menemui Listowel di Astana, Kuching. Dalam pertemuan empat mata selama 40 minit itu, mereka menyatakan pendirian dan sikap golongan anti penyerahan terhadap penyerahan Sarawak yang mereka sifatkan sebagai “penyerahan haram”.¹⁷⁸ Dalam pertemuan ini, PKMS, ASAS dan BPS menghantar tiga orang wakil masing-masing. SDA menghantar dua orang wakilnya dan PPM menghantar seorang wakilnya.¹⁷⁹

Dalam sidang akhbarnya yang diadakan pada petang 9 Mac di Astana, Listowel menjawab soalan-soalan daripada wakil pertubuhan anti penyerahan dan *UA*. Dalam sidang akbar itu, *UA* mengemukakan tiga soalan kepada Listowel. Berkenaan soalan *UA* tentang “pemandangannya [Listowel] terhadap demonstration anti-cession yang telah

¹⁷⁷ Ibid.

¹⁷⁸ Ibid.

¹⁷⁹ Ibid.

dilancarkan semalam”, Listowel menjawab, “saya tidak ada peluang melihat demonstration tersebut”, kerana “ada suatu perkerjaan lain yang telah ditetapkan”.¹⁸⁰

Ketika ditanya pandangannya berhubung pendirian golongan anti penyerahan yang menyifatkan penyerahan Sarawak sebagai “penyerahan haram”, Listowel menjawab, “jika demikian, langkah yang pertama ialah meminta supaya perkara itu dibicharakan oleh Privy Council siapa yang akan mendengarkan perkara itu jika difikirkan keadaannya dapat diperundangkan”.¹⁸¹

Listowel juga menegaskan, “bahwa sangat ajaib, jika anti-cessionists mensifatkan kerajaan sekarang itu sebagai haram, mereka tidak merayu kepada Privy Council supaya selekas2-nya menghilangkan waham”. Apabila ditanya kemungkinan berlakunya huru-hara jika Anthony Brooke dibenarkan masuk ke Sarawak, Listowel menjawab :

Saya fikir bahwa kemasukan Tuan Anthony Brooke ke Kuching harus menerbitkan huruhara. Raayat sekarang hidup dalam suasana aman dan supaya mengelakkan kemalangan berlaku dalam negri Kerajaan [British] telah berfikir lebeh baik tiada membenar akan Tuan Anthony Brooke masok ke negri itu.¹⁸²

Listowel juga menyatakan isu penyerahan Sarawak dan sekatan terhadap Anthony Brooke telah dibincangkannya secara tertutup dengan Anthony Brooke di Kuala Lumpur.

¹⁸⁰ *Utusan ASAS*, 15 Mac 1948, hlm. 2.

¹⁸¹ Ibid.

¹⁸² Ibid.

Namun, Listowel enggan mendedahkan perkara yang dibincangkan. Beliau menegaskan, “kedua2-nya telah bersetuju tidak akan mengeluarkan sebarang keterangan kapada orang ramai perihal perundingan itu”.¹⁸³

Listowel juga enggan mendedahkan tuntutan Anthony Brooke dalam pertemuan tersebut. Ini kerana ia “haruslah dianggap sebagai pecah umanah”. Bagi Listowell, ia adalah “chara yang sebaik2-nya membicharakan sesuatu perkara yang sukar dan halus itu”.¹⁸⁴

UA juga memberikan reaksi langsung terhadap jawapan dan ulasan yang dikemukakan oleh Listowel. *UA* berkata :

[P]enerangan Lord Listowel sangat ajaib, jika anti-cessionists mensifatkan Kerajaan sekarang sebagai haram, mereka tidak merayu kepada Privy Council supaya selekas2-nya menghilangkan waham dan pemerontakan harus berlaku, jika Tuan Anthony Brooke berada di sini dan dapatlah diulaskan bahwa penyerahan itu maseh lagi terbuka, dan pendudok2 Sarawak yang menentang penyerahan itu ialah sebahagian yang lebuh besar.¹⁸⁵

Sebaliknya, ia bukanlah seperti yang dipropagandakan oleh British kononnya, “sebahagian besar raayat Sarawak menyukong penyerahan”.¹⁸⁶ Ia bertentangan dengan demonstrasi anti penyerahan yang diadakan pada 8 Mac 1948. Demonstrasi tersebut jelas

¹⁸³ Ibid.

¹⁸⁴ Ibid.

¹⁸⁵ Ibid.

¹⁸⁶ Ibid.

membuktikan sebahagian besar bumiputera menentang penyerahan Sarawak. Listowel juga enggan mengakui kebenaran itu.

Dalam sidang akhbarnya juga, Listowel merayu kepada rakyat Sarawak terutamanya golongan anti penyerahan supaya bekerjasama dengan British. Sebagai balasannya, kerajaan British “telah menguntok \$5,000,000 bagi Sarawak” untuk “memajukan pelajaran, tanaman2, iktisad, masharakah [dan] siasah....”¹⁸⁷ Tawaran ini ditolak oleh *UA* kerana ia hanyalah untuk mengaburi mata rakyat. *UA* menegaskan :

[T]etapi raayat chukup sedar bahwa perkara2 itu bukan dapat ditukar2-kan dengan kemerdekaan dan kebangsaan sesuatu bangsa. Dengan kesedaran raayat yang demikian maka Policy Kerajaan British terhadap Sarawak harus akan terkechiwa.¹⁸⁸

Ujarnya lagi :

Kerajaan British chukup mengetahwi bahwa Kerajaan Sarawaklah sahaja tadinya sebuah Kerajaan di dunia ini yang tidak menanggong hutang [sebelum Perang Dunia Ke-II], dan Sarawak boleh dibuka dan segala2-nya boleh dimajukan dengan ta’osah diserahkan. Bahkan Sarawak, menurut teladan yang sudah2, harus berdaya memberi bantuan kepada negri2 dalam Lingkongan British Commonwealth, terutama sekali Britain sendiri.¹⁸⁹

¹⁸⁷ Ibid.

¹⁸⁸ Ibid.

¹⁸⁹ Ibid.

UA juga memperlihatkan keraguannya terhadap kejujuran Listowel. *UA* tidak yakin Listowel dapat memenuhi harapan golongan anti penyerahan. *UA* berpendapat daripada “tertib dan chakapan Listowel maka nampaknya seumpama gula-madu”. Seterusnya, *UA* menegaskan :

[T]etapi apa yang dibelakangnya Utusan Asas bersama2 dengan raayat sedia menunggu apa kehasilan yang akan terbit dari perlawatan beliau di sini.¹⁹⁰

Selain melaporkan sidang akhbar Listowel, *UA* turut mengikuti lawatan Listowel ke Serian. Ia berlangsung pada 10 Mac 1948. Rombongan rasmi itu turut diiringi oleh Arden Clarke dan C.W. Dawson. Mereka bertolak dari Pangkalan Batu pada 8.00 pagi. Dalam perjalannya, Listowel turut melawat sekolah Melayu dan Cina. Rombongan berhenti rehat di Tarat. Di situ, Arden Clarke menemui Orang Kaya Pemanca dan menasihatkan mereka “supaya jangan membuang adat lama”.¹⁹¹ Kemudian, perjalanan ke Serian diteruskan.

Rombongan tersebut dilaporkan sampai ke Serian pada tengahari untuk berehat dan makan tengah hari. Bersempena lawatan ini, *UA* difahamkan, menurut surat rasmi Pegawai Daerah Serian, G. Robert, bertarikh 9 Mac 1948, membenarkan semua wakil anti penyerahan di Serian bersemuka dengan Listowel. Menurut *UA*, “mereka dibebaskan berchakap perihal masaelah Penyerahan Sarawak selama 30 minit”.¹⁹²

¹⁹⁰ Ibid.

¹⁹¹ *Utusan ASAS*, 15 Mac 1948, hlm. 3.

Namun, semasa Listowel berkunjung ke Pejabat Daerah Serian, permintaan golongan anti penyerahan di Serian ditolak oleh Arden Clarke. Menurut Arden Clarke, “Lord Listowel melawat ke sini ialah choma untuk memperhatikan keadaan tempatan, tetapi bukan hendak mendengar perkara penyerahan”. Tambahnya lagi, “bahwa wakil2 anti-cessionists itu bolehlah mendengar berita berkenaan dengan penyerahan itu daripada Wakil2 mereka”.¹⁹³

Mereka hanya “disuroh berkenal dan berjebat tangan dengan TUAN BESAR DARI LONDON [Listowel]”. Tindakan Arden Clarke mengecewakan golongan anti penyerahan. Mereka menunggu kedatangan Listowel di Pejabat Daerah dengan persetujuan D.C. Walker, Pemangku Pegawai Daerah Serian. Tetapi, persetujuan itu dinafikan oleh Arden Clarke. Peristiwa ini juga menyakinkan *UA* terhadap sikap hipokrit Listowel. Rombongan Listowel balik ke Kuching kira-kira 3.30 petang.¹⁹⁴

Selain mengkritik pernyataan Listowel, *UA* juga membidas nasihat Arden Clarke kepada Orang Kaya Pemanca semasa lawatannya ke Tarat. Nasihatnya agar “jangan membuang adat lama” diberikan reaksi langsung oleh *UA*. Pertamanya, *UA* menjelaskan maksud “adat lama”:

¹⁹² Ibid.

¹⁹³ Ibid.

¹⁹⁴ Ibid.

“ADAT LAMA” ialah adat lembaga yang digunakan turun-temurun oleh sesuatu kaum atau sesuatu bangsa dan adat itulah membentuk kepercayaan, perangai dan kehidupan sesuatu kaum ataupun bangsa itu.

Adat lama bukanlah sahaja diartikan kepada adat2 yang sudah lapok ataupun adat2 yang karut2, bahkan yang sepenting2-nya ialah adat2 yang sampurna, terutama sekali adat2 kemuliaan dan kehormatan sesuatu kaum ataupun bangsa itu.

Di Sarawak ada banyak adat2 lama yang karut2 yang boleh menyekatkan kemajuan atau kesedaran. Adat2 yang semacham ini sepatutnya dihapuskan. Sesiapa juga yang menggalak be[r]pegang tegoh kepada adat2 yang karut2 itu samalah juga sebagai menyekatkan kemajuan atau kesedaran sesuatu kaum ataupun bangsa ; dan galakan itu adalah dianggapkan sebagai suatu jalan yang akan menyampai maksud untuk muslihat sendiri.¹⁹⁵

UA bukan sekadar mengkritik pengamalan adat lama dan karut yang menyekat kemajuan, bahkan *UA* juga membidas dasar penjajahan British ke atas Sarawak. Bagi *UA*, penjajahan British juga bertentangan dengan “ADAT LAMA” seperti yang dijelaskan dalam petikan di atas. Nasihat Arden Clarke pula jelas bertentangan dengan dasar penjajahan British. Lantaran itu, *UA* menegaskan :

Policy Penjejahan British di Sarawak adalah berdasar dengan akuan adat lama tidak berubah yang selalu disuarakan kepada puak2 bumiputera yang buta huruf. Akuan yang seperti ini boleh mendatang bermacam2 bidasan.¹⁹⁶

Ini menyebabkan *UA* membidas dasar penjajahan British :

¹⁹⁵ Ibid.

¹⁹⁶ Ibid.

Sesaorang yang hendak mengetahui perkataan ini tentulah bertanya bahwa apakah adat lama yang tidak berubah itu. Hendaklah ditgatkan bahwa adat lama itu lebar ma'ananya.

Adat lama adalah diartikan juga kepada perkara2 yang sudah lama teradat dalam negri ini, dan bukan-lah sahaja diartikan kepada adat2 yang sempit.

Adat lama tidaklah boleh diasingkan dengan chara pemerintahan negri ini, bahkan dia termestinya berdemping rapat dengan undang2 tuboh kerajaan seperti yang sudah2 tadi.

Taraf negri sudah berubah. Jadinya akuan adat lama tidak berubah itu adalah dianggapkan sebagai suatu selimut yang melindongkan apa yang sebenarnya, sebab perubahan yang besar itu adalah barang yang mustahil tidak akan mengubah adat lembaga negri pada umumnya.¹⁹⁷

UA juga menyifatkan jaminan Arden Clarke yang “adat lama tidak berubah” sebagai “pengakuan yang mengelirukan”.¹⁹⁸ Bagi *UA*, ia merupakan strategi Arden Clarke untuk mendapatkan sokongan bumiputera. Nasihat Arden Clarke “agar jangan membuang ADAT LAMA” juga bertentangan dengan tindakan C.W. Dawson menurunkan Bendera Kebangsaan Sarawak pada 25 April 1947.

¹⁹⁷ Ibid. Persoalan “adat lama” yang dibangkitkan oleh *Utusan ASAS* ini mempunyai ciri-ciri persamaannya dengan “adat” yang dikemukakan oleh *Majlis*. Bagi *Majlis*, terdapat tiga jenis adat iaitu “adat sebenar” – adat negeri beraja, berpenghulu dan manusia beradab, “adat diperadat-adat”- adat tiruan dan ikutan dan “adat dibuat-buat adat” (seperti Malayan Union) yang boleh dipinda, diubah dan dihapus. *Majlis*, 16 Julai 1946. Dipetik daripada Zakiah Hanum, *Tercabarinya Maruah Bangsa : Satu Himpunan Pemikiran Wartawan Akhbar Majlis 1945-1948*, Adicipta Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, 1997, hlm. 97-98. Jika dibandingkan kedua-duanya, jelas persoalan adat yang dinyatakan oleh *Utusan ASAS* lebih tajam dan tepat khususnya dalam kerangka kesedaran anti kolonial British.

¹⁹⁸ *Utusan ASAS*, 15 Mac 1948, hlm. 3.

Sebelum ini, ia dikibarkan oleh British bersama Bendera Union Jack di pejabat-pejabat kerajaan. Bagi *UA*, Bendera Kebangsaan Sarawak juga adalah sebahagian daripada adat lama. Penurunannya menunjukkan British beransur-ansur menghapuskan adat lama yang dipusakai daripada pemerintahan Brooke.¹⁹⁹

Listowel kembali ke Singapura pada 11 Mac 1948. Ia diekori oleh pengarang *UA*, Ikhwan Zaini dan ayahnya Abang Haji Zaini, Presiden PKMS. Ia bertujuan mendengar penjelasan Listowel di Singapura berhubung hasil lawatannya ke Sarawak. Namun, pernyataan yang dibuat oleh Listowel di Singapura disifatkan oleh *UA* sebagai “TIDAK PEGANG CHAKAPNYA”.²⁰⁰

Listowel mendakwa kunjungannya ke Sarawak “dengan fikiran terbuka”. Tetapi, dakwaan ini disangkal oleh *UA*. *UA* mengatakan “Listowel telah inggan pada mengkhadiri sebesar2 perarakan tunjok perasaan anti-cessionist2 di Kuching meskipun kesatuan tersebut menjemputnya”.²⁰¹

Menurut *UA* lagi, “Listowel juga telah menolak suatu jemputan jamuan teh oleh anti-cessionist2 tersebut”. Listowel juga enggan menemui dan bersemuka dengan golongan anti penyerahan ketika melawat Serian supaya dapat “menghalangkan anti-cessionist itu

¹⁹⁹ Ibid.

²⁰⁰ *Utusan ASAS*, 15 April 1948, hlm. 1.

²⁰¹ Ibid.

dari pada mandzahirkan fikiran2 mereka". Bagi *UA*, berdasarkan kepada tiga hujah ini, jelas menunjukkan Listowel melawat Sarawak "tidak dengan fikiran yang terbuka".²⁰² Ia bertentangan dengan pengakuannya sebelum melawat Sarawak dahulu.

Bagi golongan anti penyerahan, lawatan Listowel ke Kuching hanyalah lawatan kosong. Ia menghampakan harapan golongan anti penyerahan. Sepanjang lawatannya, Listowel enggan bekerjasama dengan golongan anti penyerahan. Beliau juga enggan mengakui hakikat kekuatan pengaruh golongan anti penyerahan. Listowel tidak dapat menerima kenyataan pemerintahan British ditolak oleh sebahagian besar bumiputera.

Bagi golongan anti penyerahan, tindak-tanduk Listowel memperkuuhkan keyakinan mereka terhadap putar belit British. Ini mencemarkan lagi imej British di mata golongan anti penyerahan. Ia juga memperkuuh semangat penentangan mereka terhadap penjajahan British. Walaupun lawatan Listowel tidak memenuhi aspirasi golongan anti penyerahan, mereka tidak berputus asa. Mereka tetap teguh mendokong obor semangat perjuangan anti penyerahan.

²⁰² Ibid.

Usaha Memecahbelahkan Golongan Anti Penyerahan

Perkembangan perjuangan anti penyerahan memperlihatkan tiga bentuk perpecahan. Ia turut didalangi oleh British bagi menyekat kebangkitan gerakan anti kolonial British di Sarawak.²⁰³ Tindakan British memecahbelahkan rakyat umumnya dan golongan anti penyerahan khususnya memperlihatkan kebimbangan British. Ia juga merupakan strategi British memecahkan kesatuan golongan anti penyerahan.

Bentuk perpecahan pertama ialah di kalangan bumiputera. Ia dipelopori Abang Haji Mustapha yang memimpin golongan pro penyerahan menerusi PMM. Bentuk perpecahan kedua dipelopori Kipli Osman.²⁰⁴ Beliau adalah Setiausaha Agung USNA. USNA merupakan pertubuhan anti penyerahan yang berpusat di Singapura. Bentuk perpecahan ketiga diusahakan oleh Listowel. Listowel berusaha menarik sokongan masyarakat Cina di Sarawak terhadap pemerintahan kolonial British.

²⁰³ Sanib Said menegaskan, “Although the anti-cessionist movement failed in obtaining their objectives, it surely did not fail to awaken the natives from their lanquid political slumber under the white Rajah regime. The anti cession movement saw a birth of nationalism in Sarawak. It was a genuine struggle to revote the cession bill and maintain the independence of Sarawak...”. Sanib Said, “Anti-Cession Movement 1946-1951”, hlm. 75.

²⁰⁴ Beliau merupakan nasionalis yang pro-Indonesia semasa era Konfrontasi Indonesia dan dipercayai mempunyai hubungan rapat dengan Angkatan Pemuda Insaf (pimpinan Ahmad Boestamam) dan Parti Nasional Indonesia (pimpinan Sukarno). Kipli pernah dilantik sebagai Jeneral Tentera Nasional Kalimantan Utara yang ditaja oleh Indonesia. Beliau berasal dari Kuching dan menetap di Jakarta. R.H.W. Reece, *The Name of Brooke*, hlm. 270-271. Sanib Said, *Malay Politics in Sarawak 1946-1966*, hlm. 49.

Penubuhan PPM merupakan usaha British memecahbelahkan perpaduan bumiputera. Usaha Kipli Osman pula dilihat sebagai tindakan memecahbelahkan perpaduan golongan anti penyerahan dari dalam. Usaha mendapatkan sokongan masyarakat Cina seperti yang dilakukan oleh Listowel pula merupakan langkah British melemahkan perjuangan anti penyerahan dari luar. Ini merupakan strategi tiga penjuru British untuk melumpuhkan perjuangan anti penyerahan.

Untuk menanganinya, *UA* berperanan penting menyedarkan golongan anti penyerahan tentang bahaya perpecahan. Ia bertujuan mengekalkan perpaduan dan mempertahankan perjuangan anti penyerahan. Usaha Kipli Osman adalah strategi paling halus meskipun kesannya tidak meluas berbanding penubuhan PMM dan PI. Kipli Osman hanya berpengaruh dalam USNA. Beliau juga bukan tokoh anti penyerahan yang berpengaruh di Sarawak. USNA tidak mempunyai cawangannya di Kuching. Namun, tindakan Kipli Osman juga berupaya menjelaskan kesatuan perjuangan anti penyerahan.

Kipli Osman mengakui beliau disokong oleh “orang tertentu”. Tetapi, dia tidak mendedahkan identitinya. Kipli Osman cuma mengatakan individu berkenaan bukan dari keluarga Brooke tapi warganegara British. Siapakah “orang berkenaan” dan apakah tujuan sebenarnya? Kipli Osman juga tidak menyedari semangat radikalnya diperalatkan untuk melumpuhkan perjuangan anti penyerahan.

Cadangan Kipli Osman pertamanya mengadakan persidangan khas di seluruh Sarawak pada Februari 1948. Ia bertujuan membincangkan usul mendakwa Vyner Brooke ke

mahkamah. Alasan Kipli Osman ialah Vyner Brooke “menentang sharat2 perjanjian yang telah diterimanya dan disetujukan dalam Council Negri kira2 30 tahun dahulu”.²⁰⁵

Cadangan ini dikemukakan oleh Kipli Osman pada 16 Januari 1948 di Singapura. *UA* tidak bersetuju dengan cadangan Kipli Osman. Bagi *UA*, ia bertentangan dengan dasar perjuangan pertubuhan anti penyerahan di Sarawak. Malah, cadangan Kipli Osman juga ditentang oleh Presiden USNA, Sirat Mohammad. Seperti katanya :

Menurut penerangan tersebut [oleh Kipli Osman] dapatlah dibuktikan bahwa suatu cadangan hendak mengubah dasar perjuangan raayat Sarawak pada menchapai kembali akan Hak Kemerdekaan mereka. Tetapi cadangan ini nampaknya mati dengan sendirinya oleh tentangan dari segala pertubuhan dan persatuan di Sarawak. Yang Dipertua, USNA juga telah menentang penerangan Inche Kipli tersebut.²⁰⁶

Selain bertentangan dengan dasar perjuangan pertubuhan anti penyerahan di Sarawak, *UA* sedar cadangan Kipli Osman juga “berlawanan dengan apa yang dituju ataupun dimaksud [matlamat dan corak perjuangan] oleh raayat Sarawak”. Ini menyebabkan *UA* menyelar Kipli Osman dengan tajam :

Dasar Inchi Kipli, sama ada ianya dibawah sesuatu pengaroh ataupun tidak, adalah dasar pecah belah yang menjadi senjata yang tajam untuk sesuatu bangsa [British] yang maseh lagi bernafsu penjejahan. Maka perchobaan memasokkan fahaman kepada raayat itu adalah menjadi dugaan yang besar kepada perpaduan mereka yang tak

²⁰⁵ *Utusan ASAS*, 1 Februari 1948, hlm. 2.

²⁰⁶ Ibid.

dapat tiada akan memberi kesan kepada pehak yang membutatuli akan hak dan perasaan kemanusiaan.²⁰⁷

Bagi *UA*, kontroversi isu penyerahan bukan dakwa-mendakwa dan tuduh-menuduh. Tetapi, asasnya bergantung kepada “Adakah Penyerahan Sarawak Itu Sah atau Tidak?”. *UA* berpendapat, “Inilah [isu penyerahan Sarawak] termestinya ditujukan dalam Privy Council”. Oleh itu, pendakwaan terhadap Vyner Brooke tidak perlu kerana dalang yang bercita-cita menjajah Sarawak ialah British. Ia terungkap dalam sindiran halusnya terhadap British, “Tetapi, janganlah dilupakan bahawa tipu daya [British] boleh dichatorkan untuk melambat2-kan keputusan itu”.²⁰⁸

Berhubung cadangan Kipli Osman, *UA* menurunkan dua butirannya :

(1) Bekas Raja Sarawak, Charles Vyner Brooke akan didaawakan dihadapan King Council kerana menjual negri Sarawak tidak dengan izen raayat jelata siapa yang mempunyai hak.

(2) Menda'wa Datu2 yang menerima herga Sarawak dan menggunakan nama raayat buat menipu British Parliament.²⁰⁹

Selain cadangan tersebut, Kipli Osman juga “menyeru kepada anak negri Sarawak supaya mereka akan berjuang untuk menuntut Kemerdekaan Sarawak mengikut chontoh

²⁰⁷ Ibid.

²⁰⁸ Ibid.

²⁰⁹ Ibid.

Indonesia".²¹⁰ Sebagai reaksinya, Anthony Brooke membidas seruan Kipli Osman. Beliau menyifatkan Kipli Osman sebagai perkakas British :

Pejabat bagi Jejahan Ta'alok British tentu puas hati apabila dia mendapat Inche Kipli bin Haji Othman menjadi kakitangannya bagi menjalankan propaganda menaroh tuduhan membenar Sarawak dijadikan Jejahan Ta'alok diatas badan rajanya yang dahulu dan tidak kepada Kerajaan British.²¹¹

Tegasnya lagi :

Tetapi White Hall sendiri pun akan terkejut mendengar kenyataan Inchi Kipli yang menyatakan bahwa Negri Sarawak tidak akan menjadi Jejahan Ta'alok, sebagai kegiatannya hendak menibus kesalahan Pejabat Tanah Jejahan Ta'alok telah menyebabkan dikeluarkan dari tujuan yang sebenar.²¹²

Anthony Brooke juga tidak bersetuju dengan seruan Kipli Osman agar golongan anti penyerahan menuntut kemerdekaan secara revolusioner. Baginya, "bukanlah senang hendak menipu dan memecah belah rakyat Sarawak".²¹³ Anthony Brooke juga menyifatkan pendirian Kipli Osman bertujuan "hendak mengasingkan persekutuan² anti-cessionist dari Kelurga Brooke".²¹⁴ Beliau menambah kata :

²¹⁰ Ibid.

²¹¹ Ibid., hlm. 3.

²¹² Ibid.

²¹³ Ibid.

²¹⁴ *Utusan ASAS*, 15 Februari 1948, hlm. 3.

Ada lagi sepasang gerakkan yang berasing hendak memecahbelahkan mereka itu [golongan anti penyerahan] menjadi puak2 yang berlawanan, dengan tujuan beberapa daripada ahli2-nya, pada masa itu kelak, akan bersatu membuat pergerakkan2 kebangsaan dan kemerdekaan dengan dasarnya menentangkan rajanya yang dahulu dan tidak Kerajaan British. Akhirnya, tidak shak lagi mereka itu akan berlaga.²¹⁵

Pada 20 Januari 1948, 16 pertubuhan anti penyerahan menghantar tali kawat kepada Anthony Brooke. Ia bertujuan menyatakan dasar dan pendirian mereka berhubung seruan Kipli Osman. Antaranya, isi kandungan tali kawat itu menegaskan :

Kami menyampaikan kepada DYMM perasaan kehairanan terhadap kenyataan Inchi Kipli ... Kami yang berjuang untuk kemerdekaan Sarawak dengan chara damai dibawah perlembagaan perintahan Brooke dan didalam lengkongan Commonwealth British sentiasa menaroh sepenoh2 keperchayaan kepada DYMM yang mana kami mengetahui bahwa mereka adalah mengambil langkah untuk diletakkan dibawah kerajaan lama [Brooke].²¹⁶

Pada 25 Januari 1948, Anthony Brooke mengirim sepucuk tali kawat kepada semua pertubuhan anti penyerahan di Sarawak. Ia sampai ke pejabat *UA* pada 26 Januari 1948.

Anthony Brooke berkata :

[A]tas utusan yang bersatu dan saya uchapkan selamat diatas pendirian kamu yang tegoh dan bersatu yang telah ditunjokkan pada menentang penchobaan yang bersunggoh hendak memecahbelahkan perpaduan kamu dengan memeraskan daripada kelambatan dan kepayahan yang dipikol oleh kamu dengan begitu sabar di dalam beberapa

²¹⁵ Ibid.

²¹⁶ *Utusan ASAS*, 1 Februari 1948, hlm. 4.

bulan ini. Perolehan kita di dalam perjuangan kita yang terus menerus ini tidak shak, asalkan kamu memeleharakan perpaduan kamu dan tujuan yang satu. Dengan pegangan yang tidak boleh dibinasakan diatas kebenaran. Perjuangan kita dan azam yang tidak berganjak untuk menchapaikan tujuan yang benar itu maka saya sungguh menentukan bahwa perkara kita yang telah lama dinapikan itu akan menarek perhatian dan hak Sarawak pada kemerdekaan yang terus dibawah naungan British dan diakui selurohnya.²¹⁷

Untuk meredakan keadaan, Sirat Mohammad selaku Presiden USNA menulis sepucuk surat kepada *UA*. Ia bertujuan menjelaskan dasar dan corak perjuangan sebenar USNA.

Beliau menegaskan :

Dasar Persatuan Kebangsaan Sarawak Bersatu (USNA) adalah bersamaan dengan dasar Persatuan² anti-cession yang lain2 sebagaimana yang diterangkan di dalam utusan mereka baru2 ini kepada Raja Muda. Persatuan Kebangsaan Sarawak Bersatu bermaksud pada membatalkan penyerahan dan mengembalikan Sarawak sebagai sebuah negara Yang Merdeka di dalam Commonwealth British di bawah perlembagaan Raja Brooke.²¹⁸

Kritikan Anthony Brooke diberikan reaksi oleh Kipli Osman dalam *Malaya Tribune* pada 22 Januari 1948. Kipli Osman menafikan dakwaan Anthony Brooke yang “dia telah menyeru orang2 negrinya berjuang untuk kemerdekaan Sarawak menurut chontoh Indonesia”.²¹⁹ Oleh itu, *UA* mencabar Kipli Osman agar menjelaskan pendirian

²¹⁷ Ibid.

²¹⁸ Ibid.

²¹⁹ Ini selari dengan perjuangan *Pelita Malaya*. *Pelita Malaya* menyeru orang Melayu menentang Malayan Union seperti yang dilakukan oleh rakyat Indonesia, dengan

sebenarnya. Ia bertujuan mengembalikan keyakinan golongan anti penyerahan terhadapnya. *UA* menegaskan :

Daripada penerangan2 dari pergerakkan2 anaknegri Sarawak ... nampaknya sudah terang dan nyata bahwa pergerakkan Inche Kipli itu tidak dipersetujui oleh anaknegri sendiri. Jadinya, Inche Kipli terpaksa memberi keterangan yang lebih lanjut lagi berkenaan dengan pergerakkannya, jikalau sunggoh pergerakkannya itu bukan menurut chontoh Indonesia.²²⁰

Selain membidas dakwaan Anthony Brooke, Kipli Osman juga mengecam beliau sebagai alat Vyner Brooke dan kolonial British. Kipli Osman berkata :

Saya berchakap bagi pihak USNA. Beribu2 ahlinya dibelakang saya. Mereka itu tidak menerima fikiran yang saya choma menjadi perkakas Colonial Office, lebih daripada Anthony Brooke menjadi perkakas bapa saudaranya.²²¹

Tetapi, kecaman Kipli Osman terhadap Anthony Brooke dibidas pula oleh *UA* :

Raayat tahu bahwa Negara Sarawak telah diserah oleh bapa saudara Rajah Muda iaitu bekas Raja Sir Charles Vyner Brooke. Demikian juga Raayat tahu bahwa Raja Muda, Tuan Anthony Brooke, bersama2 dengan Raayat Sarawak tidak bersetuju Negara Sarawak ini diserahkan, dan penyerahan itu disifatkan haram. Jadinya, tidak ada arti sama sekali

kekerasan. Ini terpancar dalam penegasannya, "Sekali berkeras berkeraslah terus". Ia juga berjuang menuntut kemerdekaan bangsa dan Tanah Melayu dalam bentuk Melayu Raya atau Indonesia Raya. *Pelita Malaya*, 20 Mac dan 25 Mei 1946. Dipetik daripada Adnan Hj. Nawang, "Pelita Malaya", dalam Khoo Kay Kim (ed.), *Lembaran Akhbar Melayu*, hlm. 144-145.

²²⁰ *Utusan ASAS*, 1 Mac 1948, hlm. 3.

²²¹ Ibid.

yang Raja Muda itu boleh menjadi perkakas bapa saudaranya.²²²

Dakwaan Anthony Brooke dan cabaran *UA* terhadap Kipli Osman, tidak berhenti setakat itu sahaja. Kipli Osman pergi ke Kuching. Beliau mengadakan sidang akhbar dengan *UA* untuk menjelaskan kontroversi seruan dan cadangannya. Dalam pertemuannya dengan *UA*, Kipli Osman menegaskan “dia menuntut kemerdekaan penoh bagi Sarawak apabila Kerajaan British tiada mengambil berat tuntutan hak mereka yang dipimpin oleh DYMM Raja Muda, Tuan Anthony Brooke”.²²³

Bersabit cadangannya mendakwa Vyner Brooke dan Datu-datu Melayu yang dipertanggungjawabkan menjual Sarawak kepada British, Kipli Osman menyatakan :

Penda[k]waan akan dilancharkan oleh raayat Sarawak siapa yang tahu dan insaf Sarawak itu tanahayer mereka. USNA sanggup membelanjakan segala ongkos buat menjalankan pendawaan sebanyak 10,000 pound sterling.²²⁴

Namun, Kipli Osman enggan mendedahkan sumber kewangan tersebut. Ketika diminta mendedahkan identiti orang yang menyokongnya dari belakang, Kipli Osman menjawab :

Seorang ada berdiri dibelakang saya menjalankan perjuangan – orang ini bangsa Inggeris – bersatu kemahanuan

²²² Ibid.

²²³ Ibid.

²²⁴ Ibid.

dan jiwa serupa macham Raja Muda Anthony Brooke. Menurutnya lagi, orang ini bukan kelurga Brooke.²²⁵

Walaupun mendapat tentangan daripada pertubuhan anti penyerahan di Sarawak,²²⁶ Kipli Osman tidak berputus asa. Beliau menguji pengaruh dan sokongan terhadapnya dengan mengedarkan satu pekeliling untuk menubuhkan Kaum Putri Sarawak. Kipli Osman menjadi Penggerusi Sementaranya. Menurut *UA*, tujuan dan dasar pergerakan Kaum Putri Sarawak ialah “mengawal kebebasan, Kemerdekaan dan Hak Bangsa dan Menghormati Kaum Kelurga dan waris Brooke”.²²⁷

Cadangan Kipli Osman ini mendapat reaksi daripada Ipot Sulaiman. Beliau bersikap sinis terhadap Kipli Osman. Tegasnya :

Pertamanya kita mesti tahu siapa orangnya yang menganjur pergerakan itu dengan tujuan hendak mengawalkan kebebasan kaum putri Sarawak. Tiap2 seorang yang menganjur sesuatu pergerakan yang bertujuan demikian hendaklah mengawal terlebih dahulu akan kebebasan dan kehormatan kaum putri dari kelurganya sendiri, sebelum ianya melebarkan anjorannya kepada lain2 kaum putri. Dan demikian juga hendaklah penganjur itu terlebih dahulu menjaga kehormatan dan merwahnya sendiri.

²²⁵ Ibid.

²²⁶ Pertubuhan anti penyerahan menyahut usul Kipli Osman ialah BPS dan PPM. BPS bercadang membuat pungutan suara untuk meninjau pendapat bumiputera berhubung usul Kipli Osman untuk menyaman Vyner Brooke dan Datu-datu Melayu yang dikatakan bertanggungjawab menjual Sarawak kepada British. Cadangan BPS disokong oleh PPM. PKMS tidak menyokong usul Kipli Osman dan tindakan yang ingin diambil oleh BPS dan PPM. Sanib Said, *Malay Politics in Sarawak 1946-1966*, hlm. 54-55. R.H.W. Reece, *The Name of Brooke*, hlm. 270-274. *Utusan Sarawak*, 21 Mac 1949, hlm. 3.

²²⁷ *Utusan ASAS*, 1 Mei 1948, hlm. 2.

Kita maseh ingat lagi perkataan2 Inche Kipli dalam perjumpaannya dengan Pengarang Utusan Asas berkenaan dengan perjuangan politic raayat Sarawak dan Kelurga Brooke. Perkataan2-nya itu adalah berlawanan dengan tujuan pergerakannya Menghormati Kaum Kelurga dan Waris Brooke.²²⁸

Cadangan Kipli Osman untuk mengadakan persidangan di Kuching pada Februari 1948 juga tidak berjaya. Menurut *UA*, ia disebabkan “persatuhan2 [anti penyerahan] seluroh negri ini, termasok juga USNA Singapura telah membangkang chadangan itu”.²²⁹ Ini menunjukkan pertubuhan anti penyerahan di Sarawak dan USNA tidak menerima cadangan dan perubahan corak perjuangan yang dibawa oleh Kipli Osman. Ia merupakan satu tamparan hebat kepada Kipli Osman. Beliau mengambil tindakan tanpa mendapat persetujuan USNA dan berunding dengan pertubuhan anti penyerahan di Sarawak terlebih dahulu.

Satu lagi cara British melemahkan perjuangan anti penyerahan ialah dengan menarik sokongan masyarakat Cina. Umumnya, masyarakat Cina terbahagi kepada tiga kumpulan. Pertama, pihak yang menyokong penyerahan. Mereka mengharapkan kemakmuran dan peluang ekonomi yang lebih baik di bawah pemerintahan British. Kedua, pihak yang berkecuali. Mereka menganggap isu penyerahan adalah hal ehwal bumiputera. Mereka

²²⁸ Ibid.

²²⁹ *Utusan ASAS*, 1 Mac 1948, hlm. 3.

tidak mahu campur tangan dalam isu penyerahan. Ketiga, pihak yang menentang penyerahan Sarawak.²³⁰

Usaha mendapatkan sokongan masyarakat Cina²³¹ yang dipimpin oleh Ong Tiang Swee,²³² ia diteruskan oleh Listowel ketika lawatannya ke Kuching pada 8 Mac 1948. Listowel menjanjikan tiga keistimewaan kepada mereka.²³³ Pertama, Listowel

²³⁰ Untuk perbincangan lanjut, rujuk Chin Ung-Ho, *Chinese Politics in Sarawak : A Study of the Sarawak United People's Party*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1996, hlm. 37-39. R.H.W. Reece, *The Name of Brooke*, hlm. 207-209. Untuk perbincangan lebih lanjut, rujuk Ho Hui Ling, "Politik Orang Cina Di Sarawak 1946-1963", Tesis, M.A., Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1998, hlm. 148-163.

²³¹ Sebelum Listowel, ia juga dilakukan oleh Mac Bryan. Pada Januari 1946, beliau memujuk Ong Tiang Swee (Kapitan Cina) menyokong pemerintahan British. Mac Bryan juga berjaya mendapatkan persetujuan sembilan persatuan Cina di Sarawak iaitu Wee Kheng Chiang (Persatuan Hokkien), Tan Bak Lim (Persatuan Toechew), Wong Cheng (Persatuan Foochow), Sia Lan Hin (Persatuan Lui Chew), Lee Wing Thoong (Persatuan Kwong Hui Seow), Yong Pong Chiang (Persatuan Hakka), Chan Qui Ching (Persatuan Chawan Hui Kwan), Woon Siang Kwang (Persatuan Kheng Chew) dan Persatuan Heng Ann. R.H.W. Reece, *The Name of Brooke*, hlm. 201.

²³² Beliau lahir di Kuching pada 1864. Ong Tiang Swee dilantik sebagai Kapitan Cina di Sarawak oleh Charles Brooke pada 1919 dan pernah menjadi Pengarah Singapore and Sarawak Steamship Company. Beliau dilantik oleh Vyner Brooke sebagai ahli Majlis Negri pada 1937. Pada 1947, Ong Tiang Swee dianugerahkan pingat kebesaran *Order of the British Empire*. Beliau meninggal dunia pada 19 Oktober 1950. Chin Ung-Ho, *Chinese Politics in Sarawak*, hlm. 35. R.H.W. Reece, *The Name of Brooke*, hlm. 25. Untuk perbincangan lanjut, rujuk A.M. Cooper, *Men of Sarawak*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1968, hlm. 59-64. Ong Boon Lim, *Ong Tiang Swee of Sarawak*, Malaysian Historical Society (Sarawak Branch), Kuching, 1990.

²³³ Umumnya, walaupun masyarakat Cina menerima pemerintahan kolonial British seperti persetujuan yang diberikan oleh pemimpin persatuan-persatuan Cina, tetapi *Utusan ASAS* tidak menunjukkan sikap anti Cinanya. Ini berbeza dengan akhbar Melayu di Tanah Melayu yang mengcam orang Cina kerana menyokong Malayan Union. Antaranya, *Majlis* mengingatkan mereka tidak berhak mencampuri politik Melayu. Orang Melayu pula diingatkan agar jangan menggemarkan bangsa asing (khususnya orang

memberikan persamaan hak antara kaum Cina dan bumiputera. Kedua, mereka diberikan status kerakyatan sama rata dengan bumiputera dan ketiga, dijanjikan kebebasan dalam semua perkara seperti bumiputera. Jaminan ini diberikan oleh Listowel dalam Majlis Makan Malam yang diadakan oleh Konsul China, di Kelab Teochew pada 9 Mac 1948.²³⁴

Berdasarkan jaminan tersebut, status dan hak bumiputera Sarawak di bawah pemerintahan British tidak lagi dilindungi. *UA* tidak menyenangi jaminan dan tindakan Listowel. *UA* sedar ia bererti ancaman terhadap hak dan kepentingan bumiputera. Ia juga merupakan adat lama yang diwarisi sejak zaman Brooke. *UA* menegaskan jaminan Listowel “adalah suatu puncha yang ta’ dapat tiada akan menerbit perubahan yang lebih besar lagi kepada adat lama”.²³⁵

UA menyifatkan tindakan Listowel sebagai “sangatlah ganjil”.²³⁶ Ia dipersoalkan oleh *UA* dengan berkata :

Adakah umat Russia yang dudok bermiaga di Britain akan diberi sama hak dan kebebasan dengan umat British sendiri?²³⁷

Cina). *Majlis*, 2 Disember 1946 dan 1 Disember 1947. Dipetik daripada Zakiah Hanum, *Tercabarinya Maruah Bangsa*, hlm. 125 ; 219.

²³⁴ *Utusan ASAS*, 15 Mac 1948, hlm. 2.

²³⁵ *Utusan ASAS*, 1 April 1948, hlm. 2.

²³⁶ Ibid.

²³⁷ Ibid.

UA menegaskan, “bumiputera dan umat China di sini chukup sedar akan muslihat British yang ada bermain diseualeknya”.²³⁸ *UA* sedar di Britain, warga asing tidak diberikan persamaan hak dengan warganegaranya. Di Sarawak, Listowel menggagaskan dasar yang bertentangan. Ia semata-mata bertujuan mendapatkan sokongan masyarakat Cina. Ini menyebabkan tindakan Listowel disifatkan oleh *UA* sebagai polisi “Pecah Belahan” penduduk Sarawak. Ini menyebabkan *UA* menyalar Listowel :

Listowel ialah seorang [pem]besar British yang berjawatan mentri dan yang baru pernah datang ke sini. Listowel agaknya, tidak pandai berchakap sebarang bahasa bumiputera di sini, jaoh sekali hendak tahu adat istiadat dan perasaan mereka yang sebenarnya. Jadi itulah barangkali Listowel berchakap bagitu dan tidak tahu apa arti pengakuannya disisi bumiputera. Tidakkah Listowel tahu bahwa perchakapannya itu menjadi makanan sepahit2-nya kepada bumiputera?²³⁹

Kepada masyarakat Cina, *UA* menyeru mereka agar menilai semula penjajahan dan pemerintahan British. *UA* juga menggesa mereka membandingkan zaman pemerintahan Brooke dengan British. Bagi *UA*, pemerintahan British menyebabkan kehidupan mereka semakin terbeban dengan cukai. *UA* menegaskan :

Colony artinya naik segala chukai2. Inilah semacham chara yang MESTI ditelankan, waima bagaimanapun pahit dan maongnya. Dan inilah juga suatu perkara yang orang2 China mesti mengubahkan sikap mereka, seperti yang sudah nampak pada masa ini.²⁴⁰

²³⁸ Ibid.

²³⁹ Ibid., hlm. 3.

²⁴⁰ Ibid.

- *UA* yakin masyarakat Cina tidak mudah terpengaruh dengan jaminan Listowel. Bagi golongan yang terpelajar khususnya, *UA* yakin mereka tidak terkeliru dengan perangkap Listowel. Kepada golongan yang berkecuali dan menentang penyerahan pula, *UA* berharap mereka tidak mengubah sikap dan pendirian mereka. Bagi *UA*, ia juga boleh menjelaskan hubungan antara bumiputera dengan Cina.²⁴¹

Terdapat juga orang Cina yang tidak bersetuju dengan Listowel. Sebagai mewakili pihak yang “sebenarnya tidak champor dalam siasah2 tempatan”, T.L. Siew menegaskan :

Kita yang beranak dan berhidup di Sarawak dan berasal dari orang2 China terlampau sangat dukachita akan kenyataan orangramai yang berkali2 oleh pegawai2 Kerajaan yang bertanggongjawab menyatakan perihal orang2 China Sarawak itu selurohnya menyukong penaalokan dan perubahan Sarawak ke dalam sebuah jajahan mahkota. Jaoh sekali daripada sebenar2-nya.

[K]aum terpelajar diantara kita tidak terkeliru oleh permainan sadoran lantas memperchayai jadi emas tulen, kerana kita chukup mengetahui bahwa dengan suatu perubahan taraf, perubahan2 besar harus membabit pengkorbanan2 dan bebanan chukai2 yang tidak pernah didengar dahulu dalam masa zaman Brooke itu, akan diperkenalkan dan sebagai suatu puncha kedzaliman mereka serta merta akan meletak atas bahu orang kecil yang telahpun mengeloh itu.

Satu daripada perkara2 yang kita takuti telahpun menjelmakan sehodoh2 kepalanya; chukai2 atas barang2, dahulunya diberi masok perchoma, sekarang dichukaikan.²⁴²

²⁴¹ Ibid.

²⁴² *Utusan ASAS*, 15 April 1948, hlm. 2.

Beliau juga tidak menafikan sesetengah masyarakat Cina juga menyokong penyerahan. Tetapi, mereka “hanyalah segenggam penoh dari ketua-ketua China dan beberapa orang saudagar disekeliling Kuching sahaja”. Menurutnya lagi, golongan ini menyokong penyerahan kerana :

[T]erpengaroh dan terpaksa bersetuju kepada kehendak bekas Raja itu [Vyner Brooke], oleh sebab terbayang bahwa dengan perubahan taraf mereka akan menaik setinggi2-nya terutama sekali perdagangan mereka.²⁴³

Satu-satunya pesaing utama pertubuhan anti penyerahan di Sarawak ialah PMM. PI tidak begitu berpengaruh berbanding PMM. Penubuhan kedua-duanya ditaja oleh British. Antara tujuan utama penubuhannya ialah mempengaruhi bumiputera dan menarik sokongan golongan anti penyerahan agar berpaling tadah menyokong British. Ini menyebabkan pertubuhan anti penyerahan bersaing dengan PMM dan PI untuk merebut sokongan bumiputera. Kedua-duanya merupakan kolaborator kolonial British di Sarawak.

Walaupun PMM dan PI tidak mampu melumpuhkan pengaruh perjuangan anti penyerahan, tetapi ia turut menjelaskan pengaruh golongan anti penyerahan. Penubuhannya memperlihatkan bukan semua bumiputera menyokong perjuangan anti penyerahan. Ini menyebabkan PPM dan PI turut dikecam oleh *UA* dengan sinis :

Buat umat Sarawak hendak menchari kesantusaan dalam tangan penjejah [British] dan meninggalkan kemerdekaannya berarti mereka ingin mulai hidup balek kepenghidupan abad ke-18 ; apakah dalam abad yang ke-20

²⁴³ Ibid.

ini bangsa2 lain yang sudah terjejah beratus tahun berusaha dan berjuang, berkorban dan menumpah darah hendak melepaskan dirinya. Bukan alang sengsara! Ingat! Pemerintahan chara Imperialism dalam abad ke-20 ini tidak ada tempatnya lagi.²⁴⁴

Walaupun British dengan kerjasama PPM dan PI berusaha melumpuhkan perjuangan anti penyerahan, tetapi ia tidak berjaya sepenuhnya. Namun, ia juga menimbulkan kegusaran di kalangan pemimpin perjuangan anti penyerahan. Ia tergambar melalui peringatan dan reaksi mereka. Ia juga menyedarkan golongan anti penyerahan agar berhati-hati terhadap usaha melumpuhkan perjuangan menuntut kemerdekaan tanah air.

Pendidikan dan Sekolah Rakyat

UA tidak banyak menyentuh aspek dan perkembangan pendidikan. Ini bukan bermakna *UA* dan golongan anti penyerahan tidak mementingkan pendidikan. Aspek pendidikan yang disentuh oleh *UA* berkait rapat dengan pendidikan anak-anak golongan anti penyerahan khususnya dan bumiputera umumnya.

Sejarah penubuhan sekolah rakyat berkait rapat dengan isu penyerahan. Ia mula muncul di Sarawak selepas Perang Dunia Ke-II. Sebagai bantahan kepada Pekeliling No. 9/1946, seramai 143 orang guru Melayu meletak jawatan. Ini menyebabkan 24 buah sekolah Melayu terpaksa ditutup.

²⁴⁴ *Utusan ASAS*, 15 Februari 1948, hlm. 3.

Penutupan ini menyebabkan ramai pelajar Melayu tidak dapat meneruskan persekolahan. Pelajaran mereka juga terbiar. Menyedari masalah ini, para guru yang menyokong perjuangan anti penyerahan menubuhkan sekolah rakyat. Ia bertujuan mengatasi masalah keciciran pelajar Melayu. Penubuhan sekolah rakyat turut mendapat sambutan masyarakat Melayu.

Pada 1947, terdapat lapan buah sekolah rakyat ditubuhkan. Seramai 591 orang pelajar mendaftarkan diri di sekolah rakyat. Jumlah guru yang mengajar di sekolah rakyat ialah 18 orang. Jumlah sekolah rakyat meningkat pada 1948 kepada 30 buah. Jumlah guru bertambah kepada 47 orang. Bilangan pelajarnya pula meningkat kepada 1563 orang.

Perkembangan sekolah rakyat semakin mansang pada 1949. Tiga buah lagi sekolah rakyat berjaya dibuka. Jumlah guru bertambah kepada 58 orang. Bilangan pelajar juga meningkat kepada 1891 orang.²⁴⁵ Ini menunjukkan kesedaran masyarakat Melayu terhadap kepentingan ilmu dan pendidikan.²⁴⁶

²⁴⁵ Untuk perbincangan lanjut, rujuk Syed Idrus Syed Ahmad dan R. Santhiram, *Perkembangan Pendidikan Di Sarawak*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1990, hlm. 119-123. Ahmad Zaidil Tahir, "History of Sekolah Rakyat", *Malaysian Historical Society* (Sarawak Branch), Kuching, 1983.

²⁴⁶ Perkembangan ini bersendirangkai pula dengan pendirian *Majlis*, "sedikit pengetahuan yang meliputi semua itu adalah lebih baik daripada pengetahuan melangit yang diketahui oleh segelintir manusia sedangkan yang lain jahil". *Majlis*, 28 Januari 1951. Dipetik daripada Aminah Mohd. Nasir, "*Majlis 1951-1955*", dalam Khoo Kay Kim (ed.), *Lembaran Akhbar Melayu*, hlm. 160.

Bagi *UA*, pendidikan sangat penting kepada anak negeri. Ini kerana “BILA DISEBUT PELAJARAN maka barang sudah tentu sasaorang yang sudah sedar itu insaf betapa besarnya erti pelajaran itu pada sesuatu bangsa”. *UA* melihat kepentingan pendidikan dalam dua aspek. Pertama, “ilmu dan pendidikan penting sebagai obor dalam zaman pembangunan bangsa”. Kedua, ia juga penting untuk “memeliharkan hak2-nya masing2”.²⁴⁷

UA menegaskan anak negeri dan pemimpin yang tidak berilmu menyebabkan mereka sukar mencapai kemajuan. Mereka juga mudah tertipu oleh bangsa asing. Ilmu juga merupakan aset yang paling penting dalam kehidupan. Ini menyebabkan “masing-masing bangsa dalam dunia ini berlumba2 menuju kepada kemajuan”²⁴⁸ dengan menimba ilmu.

Ilmu dan pendidikan juga penting bagi mempertahankan maruah Melayu dan kedaulatan tanah airnya. Bagi *UA*, kelemahan pemimpin dan anak negeri dalam aspek ilmu dan pendidikan merupakan punca terjajahnya Sarawak. Mereka mudah terpedaya dengan muslihat British. Ia juga menyebabkan bumiputera mudah terpengaruh dengan propaganda British dan pihak pro penyerahan. *UA* menegaskan, tanpa ilmu pengetahuan dan taraf pendidikan yang tinggi, mereka sukar mempertahankan kemerdekaan tanah air.

UA berkata :

²⁴⁷ *Utusan ASAS*, 15 Januari 1948, hlm. 2.

²⁴⁸ Ibid.

Kekurangan inilah [pelajaran dan ilmu] satu bahaya yang menyebabkan kita umat Sarawak tertipu oleh Raja yang kita telah umanahkan; kekurangan inilah yang telah melemparkan kita kemuka Pintu Colony; Kekurangan inilah juga yang maseh menimpa kita. Dapatkah kita menghapuskan kekurangan ini.²⁴⁹

UA kesal terhadap taraf pendidikan bumiputera yang masih mundur dan ketinggalan berbanding bangsa asing. Ini merugikan masyarakat Melayu. Ia juga menyebabkan mereka dipandang rendah oleh bangsa asing. *UA* berkata :

Sunggohpun bumiputera Sarawak ada banyak yang terpelajar dan kebanyakannya sudah mengerti tentang kemajuan dan siasah, tetapi kalau dibandingkan dengan bangsa2 lain bumiputera Sarawak boleh dikatakan maseh tinggal dalam kekurangan sebab tidak ada pelajaran mereka yang tarafnya begitu tinggi hingga boleh masuk ke dalam pertandingan bangsa2 menurut chara tamaddun lepas perang ini.²⁵⁰

Lantaran itu, *UA* menegaskan :

Kita bumiputera Sarawak sebagaimana bangsa yang lain2 juga adalah dirempoh sama ombak perasaan hendak meninggikan dirinya dalam lapangan pelajaran dan pendidikan, terutamanya dalam lapangan yang dapat mensesuaikan dirinya dengan alun ombak zaman selepas Perang Dunia Ke-2 ini.²⁵¹

²⁴⁹ *Utusan ASAS*, 15 Februari 1948, hlm. 2.

²⁵⁰ Ibid.

²⁵¹ *Utusan ASAS*, 15 Januari 1948, hlm. 2.

Atas kesedaran ini, *UA* menyiarkan penubuhan sekolah-sekolah rakyat di Kuching. Antaranya, Sekolah Raayat Perempuan di Jalan Datu Patinggi Ali, Sekolah Raayat Perempuan di Jalan Haji Taha, Sekolah Raayat Kampong Bintangor dan Sekolah Raayat di Kampung Panglima Seman.

Tapak sekolah rakyat disediakan secara percuma oleh pejuang anti penyerahan. Guru-gurunya mengajar secara sukarela. Sekolah ini dibiayai oleh Jawatankuasa Pengelola Sekolah Raayat, derma Barisan 338 dan orang ramai. Ini termasuklah yuran 50 sen yang dikenakan kepada setiap pelajarnya. Sebahagian alat tulis sekolah rakyat turut didermakan oleh USNA.

Tiga tokoh guru yang bekerja keras menubuhkan sekolah rakyat ialah Abang Zawawi (bekas guru pelawat sekolah kerajaan), Cikgu Lily Eberwein (bekas guru besar Sekolah Permaisuri) dan Cikgu Othman Zainuddin (bekas guru Maktab Latihan Perguruan Kuching). Selain di Kuching, pejuang anti penyerahan juga berusaha mendirikan sekolah rakyat. Antaranya Sekolah Raayat Kampung Masjid (Sibu) dan Sekolah Raayat di Kapit.²⁵²

UA menghargai jasa golongan anti penyerahan menubuhkan sekolah rakyat untuk kepentingan pendidikan anak negeri. *UA* mengharapkan agar ia “menjadi teladan bagi

²⁵² Ibid., hlm. 1.

segala golongan bumiputera dalam tujuan yang amat mustahak dan mulai untuk kebijakan kita bersama".²⁵³ Untuk memajukan sekolah rakyat, *UA* menyeru :

Kita serukan lagi sekali segenap lapisan bangsa kita supaya berkhidmat dan membantu dalam sebarang langkah mengadakan pelajaran bagi bangsa kita sama ada dengan bantuan berupa wang, barang, supaya tidaklah kita tertinggal dalam lapangan pelajaran dan dapat kita dirikan lagi sekolah raayat dilain2 tempat ... dengan usaha kita sendiri. Sesunggohnya tiadalah dapat kita ringankan sikap kita dalam hal yang tersebut itu apa lagi dalam zaman pembangunan dan membela hak bangsa pada masa ini.²⁵⁴

Penubuhan sekolah rakyat bukan sekadar untuk memberikan pendidikan kepada anak-anak golongan anti penyerahan, malah ia membuktikan kepada British bahawa anak negeri mampu berdikari memajukan pelajaran. Mereka juga mahu membuktikan bahawa penjajahan bukan alasan untuk mencapai kemajuan seperti yang dipropagandakan oleh British. Bagi *UA*, "tuntutan kemerdekaan mesti seiring dengan meninggikan taraf pelajaran".²⁵⁵

Dalam konteks ini, pendidikan tidak wajar diabaikan di samping perjuangan menentang penyerahan Sarawak dan penjajahan British. Ia dijelaskannya dengan berkata :

Sunggopun hari ini kita boleh dikatakan maseh dalam kekurangan, tetapi pelajaran ta' payah dichari dan menuntutnya ta' payah mengambil masa panjang. Dalam masa 10 atau 20 tahun kita boleh mensasuaikan diri kita

²⁵³ Ibid., hlm. 2.

²⁵⁴ Ibid.

²⁵⁵ *Utusan ASAS*, 15 Februari 1948, hlm. 3.

dengan keadaan zaman pada masa itu kelak ... dan pelajaran tidak perlu dibeli dengan penjajahan.²⁵⁶

Tegasnya lagi :

Hidup merdeka tetapi tidak berpelajaran harus membawa kepada kesempitan dan kebinasaan. Berpelajaran tetapi terbelenggu [oleh penjajahan] mendatangkan kehinaan dan kerugian.²⁵⁷

UA menyifatkan “Colonialism dan kejahilan” merupakan “dua bahaya yang sangat menyedihkan” yang mesti ditentang habis-habisan. Ini mendorong *UA* menyeru agar anak negeri memberikan “pemerhatian yang chermat lagi halus” terhadap kepentingan ilmu dan pendidikan. Bagi *UA*, ilmu dan pendidikan penting kerana ia merupakan asas “membenakan [memajukan] bangsa dan tanahayer” dan menjamin “keselamatan dan kesenangan mereka [generasi] yang akan datang”.²⁵⁸

²⁵⁶ Ibid.

²⁵⁷ Ibid., hlm. 2.

²⁵⁸ Ibid.

Perang Dingin

Kemunculan Perang Dingin berakar umbi sebelum meletusnya Perang Dunia Ke-II lagi. Pertentangan antara Amerika Syarikat dan Russia bermula apabila kedua-dua kuasa besar mendakwa sebagai peneraju ideologi kapitalisme dan komunisme dunia pada 1917. Ia menyebabkan kuasa politik dunia yang berpusat di Eropah berpecah ke Washington dan Moscow.²⁵⁹ Konflik menjadi semakin tajam berikutan Persidangan Yalta (Februari 1945) dan Postdam (Julai 1945). Ia memperlihatkan usaha Amerika Syarikat dan Soviet Union menegakkan kepentingan dan pengaruh mereka di Eropah dan Asia.²⁶⁰

Hubungan menjadi semakin tegang apabila Amerika mengisyiharkan Tabir Besi untuk menghadapi ancaman Soviet Union. Selepas kegagalan menamatkan persaingan pembinaan bom atom menerusi Pelan Baruch pula, pertentangan semakin tajam setelah Eropah terpecah kepada dua : Timur (menyokong Soviet Union) dan Barat (menyokong Amerika Syarikat). Perang dunia sekali lagi hampir-hampir tercetus apabila berlakunya peristiwa Sekatan Berlin pada Jun 1948. Ia dapat dielakkan kerana Amerika Syarikat dan Soviet Union tidak menggunakan kekerasan sebagai penyelesaiannya.²⁶¹

²⁵⁹ Untuk perbincangan lanjut, rujuk John W. Mason, *The Cold War 1945-1991*, Routledge, London, 1996, hlm. 1-14.

²⁶⁰ Untuk perbincangan lanjut, rujuk Peter Lane, *The Post War World*, B.T. Batsford Ltd., London, 1987.

²⁶¹ John W. Mason, *The Cold War 1945-1991*, hlm. 1-14. W. Treadgold, *Twentieth Century Russia*, Rand McNally & Company, Chicago, 1959, 402-426. Lesen G. F., "Yalta and The Far East", dalam *The Meaning of Yalta*, Louisiana State University Press, Baton Rouge, 1970. Suffian Mansor, "Persidangan Yalta dan Asia Timur", Kertas Kerja

Rentetan peristiwa ini disedari oleh *UA*. Ini menunjukkan kepekaannya terhadap perkembangan politik antarabangsa pasca Perang Dunia Ke-II. Ia bertujuan membuka mata dan fikiran rakyat terhadap pergolakan Perang Dingin. *UA* tidak menyatakan dengan jelas pendiriannya. Tetapi, ulasannya lebih condong menyokong Amerika Syarikat. Tetapi, ini tidak bermakna *UA* memberikan sokongan sepenuhnya. *UA* menentang kegiatan kolonialisme dan imperialisme yang diteruskan oleh kuasa Barat.

Persaingan antara Amerika dan Soviet Union semakin sengit. Hubungan antara kedua-duanya juga meruncing. Ini menyebabkan *UA* menyifatkan kedudukan dunia selepas Perang Dunia Ke-II sebagai “DIHJUNG TANDUK” kerana “banyak berita2 dzarubut [yang] boleh berkesudahan Perang Dunia Yang Ke-3”.²⁶²

UA berpendapat, “meskipun peperangan senjata belum berlaku, tetapi peperangan semangat, iaitu peperangan hendak menghendap rahsia suatu pehak oleh yang lainnya sedang dilakukan”. Ini menyebabkan *UA* meramalkan kemungkinan perang senjata berlaku dalam tempoh setahun atau dua lagi. Bagi *UA*, perang akan berlaku sekiranya “berpanjangan juga pertikaian di antara Kuasa2 Barat [yang diketuai oleh Amerika Syarikat] dengan Russia [Soviet Union]”.²⁶³

Jabatan Sejarah, 9 Julai 1999, Universiti Malaya. J.A.S. Grenville, *The Collins History of the Twentieth Century*, hlm. 491-527.

²⁶² *Utusan ASAS*, 15 April 1948, hlm. 2.

²⁶³ Ibid.

Bagi *UA*, hubungan tegang antara kedua-duanya semakin meruncing apabila “Soviet Russia sedang memaju ranchangan Communistnya [melalui Cominform] di seluruh dunia, terutamanya di negri2 Eropah”. Amerika Syarikat pula “berikhtiar hendak menghalang kemaraan Communist” dengan memberikan bantuan kewangan [melalui Rancangan Marshall] kepada “Negri2 Eropa [sic] khasnya German [sic]”. Ia dilakukan untuk menghalang “pendudok2 negri itu menjadi papa dan akhirnya masok ke dalam gulongan Communist”.²⁶⁴

Hubungan Amerika Syarikat dan Soviet Union dikatakan semakin meruncing apabila berlakunya “peristiwa di Berlin (Berlin Blockade) di mana Kuasa2 Inggeris, America [sic] dan Franchis [sic] dikepong oleh Soviet Russia”. Bagi *UA*, peristiwa tersebut dan kesan Perang Dunia Ke-II “sepatutnya menimbulkan penoh kesedaran”²⁶⁵ kepada penduduk di seluruh dunia umumnya dan Sarawak khususnya. Ini menyebabkan *UA* menggesa “tiap2 seorang sepatutnya bersedia pada melengkapkan persediaan2, terutamanya membanyakkan makanan untuk keselamatan bersama”²⁶⁶.

²⁶⁴ Ibid.

²⁶⁵ Gesaan *Utusan ASAS* bukannya tidak berasas. Perang Dunia Ke-II mengorbankan berbilion nyawa dan harta benda. Contohnya, Amerika kehilangan 405,399 tentera, Rusia (13,600,000), China (1,319,958), Jepun (1,858,811), Komanwel British (108,929), Jerman dan Austria (3,500,00). Martha Byrd Hoyle menyifatkan perang ini sebagai “Four Trillion Dollar That Cost Forty Million Lives”. Untuk butiran lanjut angka kematian termasuk orang awam, rujuk Martha Byrd Hoyle, *A World in Flames : A History of World War II*, David & Charles Publisher, Devon, 1970, hlm. 323-324. Untuk perbincangan lebih lanjut tentang kesan (politik, ekonomi dan social) Perang Dunia Ke-II, rujuk Henry Michel, *The Second World War*, Andre Deutsch, London, 1975, hlm. 781-844.

²⁶⁶ *Utusan ASAS*, 15 April 1948, hlm. 2.

Keamanan dunia yang terancam akibat Perang Dingin menyebabkan *UA* mengajak pembaca “memperhati apa akan terjadi kepada perjanjian2, ikrar2 dan Pertubuhan Bangsa2 Bersatu yang telah diujudkan”. *UA* menegaskan, “segala2-nya ini [tidak dapat] menghapuskan kejahanan, kedzaliman, temahak [sic] dan haloba manusia”. Ia juga tidak mampu “membela kebijakan, keadilan dan kebebasan”. Oleh itu, peranan “Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu [PBB] memashurkan buat membela keadilan dan kebebasan manusia” tidak dapat dicapai.²⁶⁷

Bagi *UA*, Perang Dingin berpunca daripada persaingan melebarkan pengaruh dan perbezaan ideologi antara Amerika Syarikat (kapitalis) dan Soviet Union (komunis). Seperti katanya :

Kuasa2 Besar sedang menentang satu sama lainnya, dan belom lagi mendapat keputusan2 yang bersatu, di sebabkan haruan (haluan) keperchayaan Communist, Capitalist dan Imperialist. Bermacham2 tudoh-menudoh, kata mengata, chachat-menchachat ... sedang timbol. Sementara itu Kuasa2 Besar sedang mengadakan persediaan serta menjalan muslihat masing2, saolah2-nya dunia ini hendak menghadap suatu peperangan dunia sekali lagi.²⁶⁸

Selain menjengah ke jendela Perang Dingin, *UA* juga mengkritik kegiatan penjajahan pasca Perang Dunia Ke-II. Kritikannya terhadap imperialis Barat terlahir daripada sikap anti penjajahannya terhadap British juga. *UA* menegaskan Sarawak adalah “MANGSA IMPERIALIST” British. Ini mendorong *UA* menyifatkan “SESUNGGUHNYA DUNIA

²⁶⁷ Ibid.

²⁶⁸ Ibid.

INI PENOH DENGAN KEJAHATAN dan kedzaliman". Menurutnya lagi, "dunia ini belom lagi puleh dari kebinasaan dan kerusakan" akibat Perang Dunia Ke-II, tetapi "kedzaliman, kelaparan, perbunohan [dan] kekurangan maseh lagi bermaharajalela".²⁶⁹

Sebagai negeri yang "telahpun menjadi mangsa Imperialist dan Capitalist bagi julong2 kali kemudian daripada Perang Dunia Yang Ke-2", ini mengheret *UA* menyelar British sebagai hipokrit kerana menganggap "perjanjian2 dan ikrar2 yang mesti dihormat dan mesti dipegang tegoh adalah dipandangkan sebagai [atas] kertas dan da'wat sahaja". *UA* sedar "British sesunggohnya senang menentang perasaan Raayat Sarawak, dan suara mereka senang dipermain dan dibutatulikan". Namun, *UA* menegaskan "bahwa kesedaran dan perasaan mereka yang berkobar2 itu [tidak] dapat dihapuskan".²⁷⁰

Reaksi *UA* terhadap Perang Dingin jelas memperlihatkan kepekaannya terhadap perkembangan politik dunia. Ia tidak memberikan idea untuk menyelesaiannya. Meskipun *UA* nampaknya menyokong Amerika Syarikat, tetapi *UA* tidak menyokong imperialisme Barat. Selain komunis, kolonialis Barat juga dianggapnya sebagai pencabul keamanan dunia. Baginya, masa depan keamanan dan keadilan dunia masih kabur kerana "dunia sedang hanyut kearah yang belom dikatahwu".²⁷¹

²⁶⁹ Ibid.

²⁷⁰ Ibid.

²⁷¹ Ibid.